



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SELANGOR

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SELANGOR

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI Program Hadiah Anak Masuk Universiti	3
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR Pengurusan Pengendalian Kes Syariah	11
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.	28
PENUTUP	53



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Negeri Selangor.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak satu aktiviti dan 2 pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak 2 lagi aktiviti iaitu Program Hadiah Anak Masuk Universiti dan Pengurusan Pengendalian Kes Syariah serta satu pengurusan syarikat iaitu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan dan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

11 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Program Hadiah Anak Masuk Universiti

1.1. Program Hadiah Anak Masuk Universiti atau dipromosikan sebagai Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (Program HPIPT) merupakan salah satu daripada Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai 1 Julai 2008. Tujuan Program HPIPT dilancarkan adalah untuk meringankan beban pelajar bagi menampung yuran dan perbelanjaan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta menghargai dan meraikan pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT setelah berusaha bersungguh-sungguh di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Menerusi Program HPIPT, Kerajaan Negeri menghadiahkan RM1,000 kepada pelajar yang mengikuti pengajian sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di IPT bergantung kepada syarat permohonan yang telah ditetapkan. Urus setia program ini adalah Cawangan Basiswa Dan Pinjaman Pelajaran di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. BPSM diketuai oleh Setiausaha Bahagian gred M54 dan dibantu oleh Ketua Penolong Setiausaha gred M48. Cawangan Basiswa Dan Pinjaman Pelajaran pula diketuai oleh Penolong Setiausaha gred M41 dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir gred N27, seorang Ketua Pembantu Tadbir gred N22 serta 5 Pembantu Tadbir gred N17.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2013 mendapati pada keseluruhannya, prestasi Program HPIPT adalah baik kerana tahap pencapaian pemberian wang hadiah mencapai 87.8% penerima yang disasarkan. Bagaimanapun, pelaksanaan Program HPIPT adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan pelaksanaan seperti yang diringkaskan di bawah:

- Syarat kelayakan pemohon tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Permohonan rayuan diluluskan tanpa polisi dan prosedur bertulis.
- Pengesahan pendapatan adalah berdasarkan pengesahan pada borang permohonan dan bukan pada surat perakuan pendapatan yang ditetapkan.
- Surat perakuan pendapatan disahkan oleh pihak selain yang dibenarkan.
- Pembayaran lewat dibuat dan lebih bayaran belum dikutip.

1.3. Bagi menambah baik pengurusan Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri melalui Cawangan Basiswa Dan Pinjaman Pelajaran selaku urus setia program adalah disyorkan mengkaji semula prosedur Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi secara komprehensif. Prosedur yang ditambah baik hendaklah

dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan sebelum diterima pakai. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

1.3.1. Menetapkan dokumen yang perlu untuk pengesahan pendapatan bagi ibubapa/penjaga yang tidak bekerja/bekerja sendiri atau pesara swasta.

1.3.2. Mengemas kini senarai pihak yang dibenarkan bagi memperakukan dokumen berkaitan pengesahan pendapatan.

1.3.3. Menetapkan polisi dan prosedur secara bertulis untuk kelulusan permohonan secara rayuan dengan justifikasi yang dikenal pasti sebagai langkah kawalan dalaman yang lebih berkesan. Antara kriteria yang boleh dipertimbangkan adalah ibubapa Orang Kelainan Upaya dan bilangan tanggungan yang tinggi. Selain itu, kebenaran untuk membuat rayuan juga wajar dimaklumkan kepada orang awam/pemohon supaya berlaku keadilan kepada semua pemohon yang gagal pada peringkat permohonan kali pertama.

1.3.4. Menetapkan pengagihan masa bagi setiap peringkat pemprosesan borang permohonan untuk mengelakkan kelewatan bayaran wang hadiah.

2. JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

- Pengurusan Pengendalian Kes Syariah

2.1. Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor Tahun 1989. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) yang diterajui oleh seorang Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh seorang Ketua Pendaftar serta 206 orang kakitangan. Fungsi utama JAKESS adalah untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Objektif JAKESS adalah untuk menyegerakan pengendalian kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, modal insan yang terlatih serta kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi. Pada akhir tahun 2012, JAKESS mempunyai 11 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS), sebuah Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan sebuah Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) di seluruh Negeri Selangor. Ibu Pejabat JAKESS, MRyS dan MTS beroperasi di Shah Alam. Selain itu, setiap daerah di Negeri Selangor mempunyai sebuah MRS kecuali Daerah Petaling dan Gombak masing-masing mempunyai 2 MRS.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya, pengendalian kes syariah di Negeri Selangor dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan kerana bilangan kes yang berjaya diselesaikan meningkat setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2011. Bagaimanapun, peratus peningkatan prestasi ini tidak dapat mengatasi peratusan peningkatan bilangan kes yang belum selesai iaitu antara 35.8% hingga 52.3% bagi tahun 2010 hingga 2012. Antara sebab

peningkatan kes belum selesai yang dikenal pasti adalah peningkatan pendaftaran kes baru, kekosongan jawatan Hakim di MRS dan jawatan kakitangan sokongan tidak diisi serta agihan pengendalian kes di MRS tidak sama rata. Selain itu, pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada prestasi pengurusan kes seperti yang diringkaskan di bawah:

- Persekitaran kerja yang tidak kondusif di MRS Hulu Langat seperti ruang kerja yang sempit, tempat penyimpanan dokumen yang sesak dan sukar diakses, ruang menunggu orang awam yang terhad dan ketiadaan ruang parkir untuk kakitangan dan orang awam.
- Sistem e-Syariah tidak digunakan sepenuhnya.
- Daftar Bon Jaminan tidak diselenggarakan menyebabkan pendeposit sukar dikesan dan pegawai penandatanganan Akaun Amanah Bon Jaminan tidak lagi berkhidmat dengan JAKESS menambahkan lagi kesukaran pengurusan akaun.

2.3. Untuk mempertingkatkan prestasi pengendalian kes dan menangani kelemahan yang wujud, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

2.3.1. Meningkatkan prestasi penyelesaian kes dengan:

- a. Memastikan kekosongan jawatan Hakim dan kakitangan sokongan diisi sepenuhnya.
- b. Memobilisasikan Hakim daripada MRS yang mempunyai bilangan kes yang rendah ke MRS yang mempunyai bilangan kes yang tinggi.
- c. Mengkaji semula keperluan bilangan Hakim selaras dengan pertambahan bilangan kes syariah yang didaftarkan setiap tahun.
- d. Memperkasakan Majlis Sulh dengan penyertaan pegawai yang lebih berpengalaman dengan gred yang lebih tinggi.
- e. Memastikan kerja pembinaan bangunan MRS Hulu Langat siap mengikut jadual yang ditetapkan supaya usaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan perkhidmatan yang selesa kepada pelanggan tercapai.

2.3.2. Memastikan sistem e-Syariah digunakan sepenuhnya dalam pengendalian dan pengurusan kes.

3. MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd.

3.1. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS Sdn. Bhd.) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah ditubuhkan pada 28 September 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. KUIS Sdn. Bhd. bertanggungjawab mengendalikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di bawah peruntukan Seksyen 22, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Penubuhan KUIS telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan didaftarkan pada 15 Februari 1995 setelah ditukar namanya daripada Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR). Objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab. Pada tahun 2012/2013, KUIS mengendalikan 6 buah fakulti yang menawarkan sejumlah 26 program merangkumi 12 program Diploma dan 14 program Sarjana Muda. KUIS Sdn. Bhd. memiliki modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM25 juta dan RM15 juta dan beroperasi di Bandar Seri Putra, Kajang. KUIS Sdn. Bhd. mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu KUISCeLL Sdn. Bhd. dan sebuah syarikat berhad menurut jaminan iaitu Yayasan KUIS. Lembaga Pengarah KUIS Sdn. Bhd. terdiri daripada 7 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor dan 6 orang ahli yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Penasihat Undang-undang Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Rektor KUIS. Pengurusan KUIS Sdn. Bhd. diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh 347 orang staf akademik dan 249 orang staf pentadbiran. Pengurusan KUIS Sdn. Bhd. adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Penubuhan, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun 2011 adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan. KUIS Sdn. Bhd. memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM8.25 juta dan RM4.36 juta. Bagaimanapun pada tahun 2011, KUIS Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM11.30 juta. Faktor penyumbang utama kepada perubahan trend kedudukan kewangan ini adalah kerana KUIS Sdn. Bhd. sedang melalui proses transformasi mulai tahun 2011 dan pelaksanaan transformasi ini mengambil masa selama 4 tahun. Sungguhpun mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2011, KUIS Sdn. Bhd. masih memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM17.76 juta pada tahun tersebut. Selain itu, pengurusan aktiviti KUIS yang dikendalikan oleh KUIS Sdn. Bhd. kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah baik. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Jumlah pelajar aktif melebihi kapasiti fasiliti akademik yang disediakan.
- Tunggakan yuran yang tinggi.

- Kemudahan asrama pelajar tidak digunakan sepenuhnya.
- *Corporate Integrity Pledge/Integrity Pact* tidak ditandatangani/dilaksanakan.
- Sebanyak 195,000 naskhah Buku Perbendaharaan Al-Quran dengan kos RM1.66 juta tidak dapat dijual kerana sambutan yang tidak menggalakkan. Buku ini telah/akan diberi secara sumbangan kepada badan/orang awam.
- Peralatan komputer yang rosak sejak tahun 2011 belum dilupuskan. Jumlah nilai harta modal berkenaan tidak dapat disahkan.

3.3. Bagi melestarikan masa hadapan KUIS dan menambah baik prestasi kewangan, pengurusan aktiviti KUIS serta tadbir urus korporat, pihak Audit mengesyorkan KUIS Sdn. Bhd. dan MAIS mengambil tindakan seperti berikut:

3.3.1. Memantau pelaksanaan *Transformation of KUIS* dan mengkaji kesesuaian pelan ini dari semasa ke semasa untuk memastikan matlamat penubuhan KUIS tercapai pada tahun 2015.

3.3.2. Membuat penyusunan semula supaya KUIS Sdn. Bhd. tidak menanggung beban kewangan yang besar. Antaranya MAIS selaku badan induk disarankan membantu syarikat ini dengan menyediakan peruntukan *one off* bagi menaik taraf fasiliti akademik selaras dengan fasiliti asrama agar pengambilan pelajar dapat ditambah sekaligus meningkatkan pendapatan KUIS.

3.3.3. Mengoptimumkan penggunaan asrama sebaik mungkin dengan membenarkan penyewaan bilik asrama kepada pelajar universiti/kolej lain yang berhampiran dengan syarat pelajar luar mematuhi peraturan KUIS.

3.3.4. Berunding terus dengan agensi pembiaya pinjaman bagi memastikan yuran pengajian dan yuran asrama dibayar terus kepada KUIS supaya tidak berlaku tunggakan yuran yang akan membawa kerugian syarikat.

3.3.5. Memastikan perolehan dan pelupusan aset dilaksanakan dengan cekap dan teratur.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PROGRAM HADIAH ANAK MASUK UNIVERSITI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Program Hadiah Anak Masuk Universiti atau dipromosikan sebagai Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi (Program HPIPT) merupakan salah satu daripada Program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor (MES) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai 1 Julai 2008. Tujuan Program HPIPT dilancarkan adalah untuk meringankan beban pelajar bagi menampung yuran dan perbelanjaan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta menghargai dan meraikan pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke peringkat IPT setelah berusaha bersungguh-sungguh di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Menerusi Program HPIPT, Kerajaan Negeri menghadiahkan RM1,000 kepada pelajar yang mengikuti pengajian sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda di IPT bergantung kepada syarat permohonan yang telah ditetapkan. Peruntukan dan perbelanjaan Program HPIPT bagi bulan Julai 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Program HPIPT
Bagi Bulan Julai 2008 Hingga 2012

Tahun	Peruntukan (RM Juta) [a]	Perbelanjaan (RM Juta) [b]	Baki (RM Juta) [c=a-b]
2008	5.00	3.72	1.28
2009	8.20	5.66	2.54
2010	7.70	7.69	0.01
2011	7.70	7.17	0.53
2012	8.00	7.89	0.11
Jumlah	36.60	32.13	4.47

Sumber: Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran

1.1.2. Urus setia program ini adalah Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. BPSM diketuai oleh Setiausaha Bahagian gred M54 dan dibantu oleh Ketua Penolong Setiausaha gred M48. Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran pula diketuai oleh Penolong Setiausaha gred M41 dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir gred N27, seorang Ketua Pembantu Tadbir gred N22 serta 5 Pembantu Tadbir gred N17.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program HPIPT telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan Program HPIPT bagi tahun 2008 hingga 2012 melalui semakan terhadap rekod, fail dan dokumen serta temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di Cawangan Basiswa Dan Pinjaman Pelajaran. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada penerima wang hadiah dan pemohon yang permohonannya tidak lengkap dan tidak layak serta orang awam bagi mendapatkan maklum balas mengenai keberkesanan program ini.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2013 mendapati pada keseluruhannya, prestasi Program HPIPT adalah baik kerana tahap pencapaian pemberian wang hadiah mencapai 87.8% penerima yang disasarkan. Bagaimanapun, pelaksanaan Program HPIPT adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan pelaksanaan seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Syarat kelayakan pemohon tidak dipatuhi sepenuhnya.
- Permohonan rayuan diluluskan tanpa polisi dan prosedur bertulis.
- Pengesahan pendapatan adalah berdasarkan pengesahan pada borang permohonan dan bukan pada surat perakuan pendapatan yang ditetapkan.
- Surat perakuan pendapatan disahkan oleh pihak selain yang dibenarkan.
- Pembayaran lewat dibuat dan lebih bayaran belum dikutip.

1.4.1. Prestasi Program HPIPT Adalah Baik

1.4.1.1. Program HPIPT dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk menghargai dan meraikan pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke IPT. Untuk melaksanakan objektif tersebut, urus setia telah mensasarkan seramai 36,600 penerima wang hadiah melibatkan sejumlah RM36.60 juta dengan RM1,000 seorang bagi tahun 2008 hingga 2012. Oleh itu, prestasi Program HPIPT diukur berdasarkan bilangan penerima wang hadiah berbanding dengan yang disasarkan.

1.4.1.2. Semakan Audit mendapati prestasi Program HPIPT adalah baik kerana bilangan penerima wang hadiah bagi bulan Julai 2008 hingga 2012 adalah tinggi iaitu 32,130 (87.8%) daripada 36,600 penerima yang disasarkan. Semua pemohon yang layak telah diberi wang hadiah. Bilangan penerima wang hadiah berbanding yang disasarkan bagi bulan Julai 2008 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Bilangan Penerima Wang Hadiah Berbanding Sasaran
Bagi Bulan Julai 2008 Hingga 2012

Tahun	Bil. Sasaran Penerima [a]	Bil. Permohonan [b]	Bil. Pemohon Yang Layak [c]	Penerima Wang Hadiah	
				Bil. [d]	% [e=d/a x 100]
2008	5,000	5,098	3,718	3,718	74.4
2009	8,200	8,178	5,659	5,659	69.0
2010	7,700	10,749	7,699	7,699	99.9
2011	7,700	10,669	7,167	7,167	93.1
2012	8,000	10,470	7,887	7,887	98.6
Jumlah	36,600	45,164	32,130	32,130	87.8

Sumber: Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran

1.4.1.3. Analisis Audit selanjutnya juga mendapati prestasi Program HPIPT bagi tahun 2010 hingga 2012 berada pada tahap sangat baik iaitu 93.1% hingga 99.9%. Bagaimanapun, prestasi Program HPIPT bagi tahun 2008 dan 2009 adalah pada tahap memuaskan iaitu di bawah 80%. Berikutan prestasi program pada tahun 2009 yang rendah, sejumlah RM2.30 juta baki peruntukan telah ditarik balik dan dipindahkan ke Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) untuk melaksanakan aktiviti unit ini. Prestasi yang rendah bagi tahun 2008 dan 2009 telah menjejaskan prestasi yang sangat baik bagi tahun 2010 hingga 2012 sekiranya penilaian dibuat untuk tempoh 2008 hingga 2012. Ini adalah kerana Program HPIPT baru diperkenalkan pada tahun 2008 dan hebahan secara meluas belum dilaksanakan sepenuhnya. Peningkatan pemberian wang hadiah bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah kerana hebahan Program HPIPT telah dibuat melalui laman web rasmi Kerajaan Negeri, surat hebahan di IPT/Jabatan/Agensi/Pejabat Daerah Dan Tanah/Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan/Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri/Rakyat/Masyarakat, cetakan brosur dan *booth* pameran. Selain itu, hasil analisis terhadap maklum balas 110 borang soal selidik mendapati hanya 27.3% responden tidak mengetahui mengenai program ini.

Pada pendapat Audit, prestasi Program HPIPT adalah baik kerana pemberian wang hadiah mencapai 87.8% daripada 36,600 penerima yang disasarkan dan maklum balas yang diterima terhadap impak program ini kepada penerima wang hadiah juga adalah menggalakkan.

1.4.2. Pelaksanaan Program

1.4.2.1. Syarat Kelayakan Pemohon Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

- a. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 15/2008 bertarikh 18 Jun 2008 dan MMKN Ke 19/2012 bertarikh 23 Mei 2012, syarat kelayakan Program HPIPT yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. Pemohon adalah Warganegara Malaysia.
 - ii. Pemohon merupakan rakyat Negeri Selangor yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - Pemohon tinggal dan bersekolah di Negeri Selangor sekurang-kurangnya selama 11 tahun.
 - iii. Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara sepenuh masa di IPTA atau IPT Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Diploma sahaja. Selain itu, Manual Prosedur Kerja (MPK) Proses Permohonan HPIPT juga menetapkan program Matrikulasi/Kursus Persediaan/Tahun Asas/A-Level/*The Association of Chartered Certified Accountants/The London Chamber of Commerce And Industry* (LCCI)/Ijazah Lanjutan/Kursus Perguruan Lepas Ijazah/Pengajian Jarak Jauh/Pengajian Luar Kampus adalah tidak layak.
 - iv. Pemohon telah mendaftarkan diri di IPT bagi memulakan pengajian Tahun Pertama (Semester Pertama) mulai bulan Julai 2008 (sesi pengajian 2008/2009) dan ke atas.
 - v. Pemohon daripada keluarga berpendapatan bulanan RM1,500 ke bawah.
- b. Semakan Audit terhadap 32,130 borang permohonan penerima wang hadiah yang layak (termasuk kelulusan permohonan rayuan) bagi tahun 2008 hingga 2012 mendapati seramai 35 penerima tidak memenuhi syarat pemberian wang hadiah. Butiran adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Penerima Yang Tidak Memenuhi Syarat Pemberian Wang Hadiah
Bagi Bulan Julai 2008 Hingga 2012

Ketidapatuhan Syarat	Bilangan Penerima					Jumlah
	2008	2009	2010	2011	2012	
Bukan Rakyat Negeri Selangor	-	-	-	-	3	3
Pendapatan Bulanan Keluarga Melebihi RM1,500	-	-	-	-	21	21
Peringkat Pengajian LCCI	-	10	1	-	-	11
Jumlah	-	10	1	-	24	35

Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati 3 dan 21 penerima wang hadiah masing-masing yang bukan rakyat Negeri Selangor dan mempunyai pendapatan bulanan keluarga melebihi RM1,500 merupakan pemohon rayuan yang mendapat kelulusan khas. Berhubung dengan syarat baru yang diluluskan oleh MMKN pada 23 Mei 2012 mengenai tempoh bermastautin pemohon di Negeri Selangor, didapati seramai 15

penerima telah membuat permohonan rayuan di mana seramai 3 penerima merupakan permohonan yang diluluskan sebelum tarikh kelulusan manakala seramai 5 penerima diluluskan selepas tarikh 23 Mei 2012 dan seramai 7 penerima tidak dapat disahkan tarikh kelulusan permohonan rayuan kerana dokumen sokongan tidak dilampirkan. Bagaimanapun, polisi atau prosedur bertulis tidak dibuat yang membenarkan kelulusan permohonan rayuan tersebut.

- d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 3 April 2013, BPSM menerangkan pengerusi jawatankuasa tetap ini mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan kes rayuan. Kelulusan terhadap 21 permohonan rayuan bagi pendapatan keluarga bulanan melebihi RM1,500 adalah berdasarkan bilangan tanggungan yang ramai dan pendapatan keluarga yang tidak melebihi 15% daripada RM1,500 yang ditetapkan kecuali satu pemohon di mana lebihan pendapatan bulanan keluarga adalah sebanyak 268%. Urus setia hanya mengikut keputusan yang dibuat oleh pengerusi jawatankuasa tetap tersebut.** Pihak Audit berpendapat langkah ini telah bercanggah dengan keputusan MMKN ke 34/2008 bertarikh 26 November 2008 yang menetapkan tujuan Program HPIPT adalah untuk membantu golongan yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan bagi mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.
- e. Mengikut keputusan MMKN Ke 15/2008 pada 18 Jun 2008 dan Senarai Semak BPSM, pemohon perlu mengemukakan salinan penyata pendapatan atau penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi ibubapa/penjaga pemohon yang bekerja. Bagi ibubapa/penjaga pemohon yang bekerja sendiri, tidak bekerja atau pesara swasta pula, pemohon perlu mengemukakan surat perakuan pendapatan yang diperakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Penghulu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau Ketua Kampung sahaja. Selain itu, MPK juga menetapkan pengesahan oleh pihak selain yang dibenarkan tidak akan dipertimbangkan. Semakan Audit terhadap 510 permohonan yang diluluskan mendapati 86 permohonan tidak mematuhi peraturan ini di mana salinan penyata pendapatan/penyata KWSP tidak dikemukakan atau surat perakuan pendapatan telah diperakukan selain pihak yang dibenarkan termasuk Pengetua Sekolah, Penolong Kanan Sekolah Menengah, Penolong Pendaftar Universiti Teknologi MARA, Pegawai Arkib, Penolong Akauntan BPSM, Pegawai Tadbir Agama, Ketua Penolong Pegawai Tadbir Daerah, Pengurus Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pesuruhjaya Sumpah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:
- i. Bagi 5 penerima wang hadiah, 4 penerima ini tidak mengemukakan salinan penyata pendapatan/penyata KWSP bagi bapa yang bekerja manakala ibu kepada kelima-lima penerima tersebut tidak bekerja dan tidak disertakan dengan surat perakuan pendapatan.

- ii. Seramai 77 penerima tidak mengemukakan surat perakuan pendapatan sama ada bagi ibubapa/penjaga atau salah seorang daripadanya yang bekerja sendiri, tidak bekerja atau pesara swasta manakala surat perakuan ibubapa/penjaga pemohon bagi 4 penerima tidak disahkan oleh ADUN, Penghulu, Pengerusi JKKK atau Ketua Kampung. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 3 April 2013, BPSM menjelaskan pengesahan pendapatan pada borang permohonan dibuat oleh pihak selain daripada yang dibenarkan adalah disebabkan kawasan tempat tinggal pemohon jauh daripada Pusat Khidmat ADUN/Parlimen atau terletak di kawasan bandar yang mana tiada Penghulu, Pengerusi JKKK atau Ketua Kampung.**

- f. **Berdasarkan maklum balas BPSM bertarikh 3 April 2013, bagi ibubapa pemohon yang bekerja sendiri dan tidak mempunyai penyata pendapatan, pengesahan pendapatan pada borang permohonan sahaja adalah mencukupi kerana tiada borang pengesahan disediakan sebelum ini. Semasa exit conference pada 5 April 2013, BPSM memaklumkan pula urus setia menerima pengesahan pendapatan sama ada pada borang permohonan ataupun surat perakuan pendapatan oleh pihak yang dibenarkan. Selain itu, BPSM juga menerima pengesahan oleh pihak selain daripada yang dibenarkan sekiranya kuasa pihak pengesah tersebut adalah lebih tinggi daripada Ketua Kampung atau yang setaraf dengan pihak yang dibenarkan. Bagaimanapun bermula pada tahun 2013, urus setia telah menyediakan borang pengesahan pendapatan khusus untuk ibubapa yang bekerja sendiri. Tindakan penambahbaikan ini diambil untuk mengelakkan masalah pengesahan pendapatan.**

1.4.2.2. Pengurusan Pembayaran Kurang Memuaskan

Pembayaran wang hadiah Program HPIPT sebanyak RM1,000 dibuat melalui 2 kaedah iaitu pengkreditan terus ke akaun pemohon atau melalui cek kepada pemohon yang layak. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a. Kelewatan Pembayaran

- i. Berdasarkan keputusan MMKN Ke 15/2008 bertarikh 18 Jun 2008, pembayaran kepada penerima hendaklah dibuat dalam tempoh 2 minggu (10 hari bekerja) selepas borang permohonan yang lengkap diterima. Analisis Audit terhadap 3,295 penerima wang hadiah yang layak mendapati kesemua penerima ini telah lewat dibayar wang hadiah antara 31 hingga 1,166 hari seperti di **Jadual 1.4**. Oleh itu, penerima yang layak tidak dapat menggunakan wang hadiah tersebut untuk persiapan awal memasuki IPT.

Jadual 1.4
Tempoh Kelewatan Pembayaran Hadiah Kepada Penerima
Wang Hadiah

Tahun	Bil. Borang Permohonan Disemak	Tempoh Kelewatan Pembayaran (Hari)*
2008	371	31 Hingga 414
2009	602	31 Hingga 1,166
2010	816	31 Hingga 896
2011	764	31 Hingga 495
2012	742	31 Hingga 304
Jumlah	3,295	31 Hingga 1,166

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota:* Tempoh kelewatan dikira berdasarkan perbezaan bilangan hari antara tarikh pembayaran dengan tarikh 2 minggu selepas tarikh dokumen lengkap diterima termasuk cuti umum dan mingguan.

- ii. Kelewatan dalam pembayaran wang hadiah adalah disebabkan pengagihan masa tidak ditetapkan bagi setiap peringkat pemprosesan borang permohonan. **Mengikut maklum balas BPSM bertarikh 3 April 2013, kelewatan berlaku juga disebabkan masalah teknikal pada Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri.**

b. Pembayaran Lebih Daripada Sekali

- i. MMKN Ke 15/2008 pada 18 Jun 2008 juga menetapkan setiap pemohon hanya layak dibayar sekali sahaja sepanjang pengajian sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.
- ii. Semakan Audit mendapati pada tahun 2008 dan 2009, seramai 21 penerima telah mendapat pembayaran lebih daripada sekali. Seramai 15 penerima telah membuat pembayaran balik setelah surat peringatan dikeluarkan oleh urus setia. Bagaimanapun, terdapat 6 penerima masih belum membayar balik wang hadiah berjumlah RM6,000. Semakan Audit selanjutnya mendapati surat peringatan terakhir yang dikeluarkan kepada penerima tersebut adalah dalam tempoh bulan Januari hingga Mac 2011. Sehingga tarikh pengauditan dijalankan, didapati tiada surat peringatan terbaharu dikeluarkan.
- iii. Pembayaran lebih daripada sekali berlaku bagi tahun 2008 hingga bulan April 2009 kerana permohonan dibuat secara manual dan kelemahan kawalan dalaman pembayaran telah menyebabkan permohonan dan pembayaran 2 kali tidak dapat dikesan. Selain itu, surat peringatan tidak dikeluarkan selepas bulan Mac 2011 adalah kerana prosedur pembayaran balik tidak ditetapkan bagi pembayaran lebih daripada sekali. Namun begitu, sistem HPIPT yang digunakan mulai bulan Mei 2009 telah berupaya mengesan permohonan yang dibuat lebih daripada sekali.

- iv. **Berdasarkan maklum balas BPSM bertarikh 3 April 2013, kesemua 6 penerima wang hadiah yang dibayar 2 kali telah merayu untuk membuat bayaran balik setelah menamatkan pengajian kelak. Bagaimanapun, surat rayuan daripada penerima wang hadiah tersebut tidak dikemukakan untuk semakan pihak Audit. Selepas teguran Audit, urus setia telah mengambil tindakan untuk menghantar surat peringatan kedua pada 21 Mac 2013.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program HPIPT adalah kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan pelaksanaan dari segi pematuhan kepada syarat kelayakan penerima wang hadiah dan pengurusan pembayaran. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap prosedur perlu dilaksanakan dengan segera supaya program ini dapat berjalan dengan cekap untuk memastikan objektif Program HPIPT tercapai.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri melalui Cawangan Biasiswa Dan Pinjaman Pelajaran selaku urus setia program adalah disyorkan mengkaji semula prosedur Program Hadiah Pengajian Institusi Pengajian Tinggi secara komprehensif. Prosedur yang ditambah baik hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan sebelum diterima pakai. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

1.5.1. Menetapkan dokumen yang perlu untuk pengesahan pendapatan bagi ibubapa/penjaga yang tidak bekerja/bekerja sendiri atau pesara swasta.

1.5.2. Mengemas kini senarai pihak yang dibenarkan bagi memperakukan dokumen berkaitan pengesahan pendapatan.

1.5.3. Menetapkan polisi dan prosedur secara bertulis untuk kelulusan permohonan secara rayuan dengan justifikasi yang dikenal pasti sebagai langkah kawalan dalaman yang lebih berkesan. Antara kriteria yang boleh dipertimbangkan adalah ibubapa Orang Kelainan Upaya dan bilangan tanggungan yang tinggi. Selain itu, kebenaran untuk membuat rayuan juga wajar dimaklumkan kepada orang awam/pemohon supaya berlaku keadilan kepada semua pemohon yang gagal pada peringkat permohonan kali pertama.

1.5.4. Menetapkan pengagihan masa bagi setiap peringkat pemprosesan borang permohonan untuk mengelakkan kelewatan bayaran wang hadiah.

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR

2. PENGURUSAN PENGENDALIAN KES SYARIAH

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Mahkamah Syariah Negeri Selangor (Mahkamah Syariah) telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor Tahun 1989. Pentadbiran Mahkamah Syariah adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) yang diterajui oleh seorang Ketua Hakim Syarie dan dibantu oleh seorang Ketua Pendaftar serta 206 orang kakitangan. Fungsi utama JAKESS adalah untuk menerima, mendengar dan memutuskan kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah mengikut hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Objektif JAKESS adalah untuk menyegerakan pengendalian kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), modal insan yang terlatih serta kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi.

2.1.2. Pada akhir tahun 2012, JAKESS mempunyai 11 buah Mahkamah Rendah Syariah (MRS), sebuah Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan sebuah Mahkamah Rayuan Syariah (MRyS) di seluruh Negeri Selangor. Ibu Pejabat JAKESS, MRyS dan MTS beroperasi di Shah Alam. Selain itu, setiap daerah di Negeri Selangor mempunyai sebuah MRS kecuali Daerah Petaling dan Gombak masing-masing mempunyai 2 MRS. Mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, bidang kuasa 3 jenis mahkamah ini adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1**Jenis Dan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Negeri Selangor**

Jenis Mahkamah	Bidang Kuasa
Mahkamah Rendah Syariah	<ul style="list-style-type: none"> Membicarakan semua kesalahan jenayah yang dilakukan oleh seseorang beragama Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [En. No. 9/1995] atau undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam dengan denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Membicarakan perkara dalam bidang kuasa Mal dengan jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan tidak melebihi RM100,000 atau tidak dapat dianggarkan dengan wang kecuali kes hak penjagaan anak (hadhanah) dan harta sepencarian.
Mahkamah Tinggi Syariah	<ul style="list-style-type: none"> Membicarakan semua kesalahan jenayah yang dilakukan oleh seseorang beragama Islam di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [En. No. 9/1995] atau undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam dan dengan denda melebihi RM3,000 atau penjara melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Membicarakan perkara dalam bidang kuasa Mal dengan jumlah atau nilai perkara yang dipertikaikan melebihi RM100,000 atau tidak dapat dianggarkan dengan wang termasuk hak penjagaan anak (hadhanah) dan harta sepencarian.
Mahkamah Rayuan Syariah	<ul style="list-style-type: none"> Mendengar dan memutuskan sesuatu rayuan terhadap sesuatu keputusan yang dibuat oleh MTS dalam menjalankan tugas dari bidang kuasa asalnya.

Sumber: JAKESS

2.1.3. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan perbelanjaan mengurus tahun 2010 hingga 2012 masing-masing berjumlah RM8.34 juta, RM8.61 juta dan RM10.24 juta. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh tersebut masing-masing adalah 88.8%, 96.4% dan 99.3%. Aktiviti JAKESS turut menyumbang kepada hasil Kerajaan Negeri antaranya melalui fi pendaftaran dan bayaran denda. Bagi tahun 2010 hingga 2012, jumlah hasil yang dikutip adalah RM12.40 juta. Prestasi perbelanjaan dan hasil JAKESS bagi tempoh yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2**Prestasi Perbelanjaan Dan Hasil JAKESS Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan		Hasil (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	
2010	8.34	7.41	88.8	4.37
2011	8.61	8.30	96.4	3.78
2012	10.24	10.17	99.3	4.25
Jumlah	27.19	25.88	95.2	12.40

Sumber: JAKESS

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan pengendalian kes syariah telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi 2 aspek iaitu prestasi pengendalian kes dan pengurusan kes. Untuk mengukur prestasi pengendalian kes, analisis keseluruhan bilangan kes yang dikendalikan bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 telah dilaksanakan. Manakala bagi pengurusan kes, pengauditan dijalankan di MRyS, MTS, MRS Hulu Langat, MRS Klang dan MRS Petaling Jaya bagi tempoh yang sama. Sampel pengauditan adalah terdiri daripada 400 fail kes yang telah selesai dan 400 fail kes belum selesai yang masih tertangguh. Pengauditan dijalankan dengan membuat semakan dan analisis terhadap data dan maklumat yang terkandung dalam rekod, fail dan dokumen berkaitan. Dokumen berkaitan bagi tahun sebelum 2010 juga disemak mengikut keperluan. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan JAKESS juga dilakukan untuk mendapat penjelasan lanjut.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2012 mendapati pada keseluruhannya, pengendalian kes syariah di Negeri Selangor dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan kerana bilangan kes yang berjaya diselesaikan meningkat setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2011. Bagaimanapun, peratus peningkatan prestasi ini tidak dapat mengatasi peratusan peningkatan bilangan kes yang belum selesai iaitu antara 35.8% hingga 52.3% bagi tahun 2010 hingga 2012. Antara sebab peningkatan kes belum selesai yang dikenal pasti adalah peningkatan pendaftaran kes baru, kekosongan jawatan Hakim di MRS dan jawatan kakitangan sokongan tidak diisi serta agihan pengendalian kes di MRS tidak sama rata. Selain itu, pengauditan juga mengenal pasti beberapa kelemahan yang memberi kesan kepada prestasi pengurusan kes seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Persekitaran kerja yang tidak kondusif di MRS Hulu Langat seperti ruang kerja yang sempit, tempat penyimpanan dokumen yang sesak dan sukar diakses, ruang menunggu orang awam yang terhad dan ketiadaan ruang parkir untuk kakitangan dan orang awam.
- Sistem e-Syariah tidak digunakan sepenuhnya.
- Daftar Bon Jaminan tidak diselenggarakan menyebabkan pendeposit sukar dikesan dan pegawai penandatanganan Akaun Amanah Bon Jaminan tidak lagi berkhidmat dengan JAKESS menambahkan lagi kesukaran pengurusan akaun.

2.4.1. Prestasi Pengendalian Kes

Pengendalian kes yang cekap dan berkesan ditakrifkan sebagai kes yang dikendalikan dengan segera dan mematuhi tatacara perundangan. Bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012, bilangan kes Mal dan kes Jenayah yang dikendalikan oleh MRS, MTS dan MRyS adalah seperti di **Jadual 2.3** dan **Jadual 2.4**.

Jadual 2.3**Kendalian Kes Mal Di MRS, MTS Dan MRyS Negeri Selangor
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012**

Tahun	Jenis Mahkamah	Baki Bil. Kes Tahun Sebelum	Bil. Kes Didaftarkan Tahun Semasa	Jumlah Kes	Bil. Kes Selesai	Baki Bil. Kes Akhir Tahun
2010	MRS	4,296	11,880	16,176	11,285	4,891
	MTS	1,470	1,745	3,215	1,420	1,795
	MRyS	110	39	149	52	97
Jumlah		5,876	13,664	19,540	12,757	6,783
2011	MRS	4,891	13,541	18,432	11,921	6,511
	MTS	1,795	2,280	4,075	1,979	2,096
	MRyS	97	37	134	36	98
Jumlah		6,783	15,858	22,641	13,936	8,705
2012	MRS	6,511	9,907	16,418	8,309	8,109
	MTS	2,096	1,537	3,633	1,742	1,891
	MRyS	98	20	118	24	94
Jumlah		8,705	11,464	20,169	10,075	10,094
Jumlah Besar		-	40,986	62,350	36,768	-

Sumber: JAKESS

Jadual 2.4**Kendalian Kes Jenayah Di MRS, MTS Dan MRyS Negeri Selangor
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012**

Tahun	Jenis Mahkamah	Baki Bil. Kes Tahun Sebelum	Bil. Kes Didaftarkan Tahun Semasa	Jumlah Kes	Bil. Kes Selesai	Baki Bil. Kes Akhir Tahun
2010	MRS	1,640	2,429	4,069	2,520	1,549
	MTS	171	37	208	37	171
	MRyS	29	55	84	21	63
Jumlah		1,840	2,521	4,361	2,578	1,783
2011	MRS	1,549	2,034	3,583	1,824	1,759
	MTS	171	45	216	93	123
	MRyS	63	24	87	40	47
Jumlah		1,783	2,103	3,886	1,957	1,929
2012	MRS	1,759	1,728	3,487	1,262	2,225
	MTS	123	56	179	41	138
	MRyS	47	6	53	19	34
Jumlah		1,929	1,790	3,719	1,322	2,397
Jumlah Besar		-	6,414	11,966	5,857	-

Sumber: JAKESS

2.4.1.1. Prestasi Penyelesaian Kes Meningkat

- a. Berdasarkan rekod JAKESS, bilangan kes yang berjaya diselesaikan meningkat setiap tahun bagi tahun 2010 hingga 2011. Jumlah kes yang telah diselesaikan pada tahun 2010 adalah 15,335 kes daripada 23,901 kes yang perlu dikendalikan. Pada tahun 2011 pula, kes yang telah diselesaikan berjumlah 15,893 kes daripada 26,527

kes dengan peningkatan sebanyak 558 kes (3.6%) berbanding tahun sebelumnya. Sehingga bulan Ogos 2012, jumlah kes yang telah diselesaikan adalah sebanyak 11,397 kes daripada 23,888 kes yang perlu dikendalikan. Prestasi penyelesaian kes di MRS, MTS dan MRyS di Negeri Selangor adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Prestasi Penyelesaian Kes Di MRS, MTS Dan MRyS Negeri Selangor
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Tahun	Bil. Kes Belum Selesai Tahun Sebelum	Bil. Kes Didaftarkan Tahun Semasa	Jumlah Kes	Jumlah Kes Selesai
2010	7,716	16,185	23,901	15,335
2011	8,566	17,961	26,527	15,893
2012	10,634	13,254	23,888	11,397

Sumber: JAKESS


- b. Berdasarkan purata penyelesaian kes setiap bulan sehingga bulan Ogos 2012, analisis Audit selanjutnya mendapati bilangan kes yang boleh diselesaikan dianggarkan 17,096 kes pada akhir tahun 2012 iaitu meningkat 1,203 kes (7.6%) berbanding tahun 2011.
- c. Menurut JAKESS, norma masa bagi setiap kes perlu diselesaikan tidak ditetapkan kerana wujudnya pelbagai elemen pemboleh ubah seperti budi bicara Hakim dan kerumitan pengendalian kes. Ini telah mempengaruhi tempoh penyelesaian kes. Semakan Audit terhadap 400 kes yang telah diselesaikan antara tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 mendapati 227 kes (56.8%) telah diselesaikan dalam tempoh antara satu hingga 90 hari, 41 kes dalam tempoh antara 91 hingga 180 hari, 41 kes dalam tempoh 181 hingga 270 hari dan 26 kes dalam tempoh antara 271 hingga 365 hari. Manakala 65 kes (16.3%) diselesaikan melebihi tempoh satu tahun. Analisis tempoh masa kes diselesaikan adalah seperti di **Jadual 2.6** dan **Carta 2.1**.

Jadual 2.6
Analisis Tempoh Masa Penyelesaian Kes Antara Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Tempoh Masa Penyelesaian Kes (Hari)	1-90		91-180		181-270		271-365		>365	
Jenis Kes	a	b	a	b	a	b	a	b	a	b
Bilangan Kes	167	60	36	5	29	12	22	4	19	46
Jumlah (a+b)	227		41		41		26		65	
Jumlah Besar	400									
Peratus (%)	56.8		10.2		10.2		6.5		16.3	

Sumber: JAKESS

Nota: a - Kes Mal
b - Kes Jenayah



2.4.1.2. Peningkatan Kes Belum Selesai

- a. Sungguhpun prestasi penyelesaian kes meningkat dari tahun 2010 hingga tahun 2011, namun ia tidak dapat mengatasi peningkatan bilangan kes yang belum selesai. Mengikut rekod JAKESS, bilangan kes belum selesai pada tahun 2010 adalah 8,566 kes (35.8%) daripada 23,901 kes yang perlu dikendalikan. Manakala pada tahun 2011 kes belum selesai meningkat kepada 10,634 kes (40.1%) daripada 26,527 kes. Sehingga bulan Ogos 2012, bilangan kes belum selesai adalah 12,491 kes (52.3%) daripada 23,888 kes. Bilangan kes belum selesai di MRS, MTS dan MRyS adalah seperti di **Jadual 2.7**.


Jadual 2.7
Kes Belum Selesai Di MRS, MTS Dan MRyS Negeri Selangor
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Tahun	Jumlah Kes	Kes Belum Selesai	
		Jumlah Kes	(%)
2010	23,901	8,566	35.8
2011	26,527	10,634	40.1
2012	23,888	12,491	52.3

Sumber: JAKESS

- b. Berdasarkan purata bulanan pendaftaran kes sehingga bulan Ogos 2012, analisis Audit selanjutnya mendapati jumlah kes diunjurkan kepada 30,515 kes sehingga bulan Disember 2012. Bilangan kes belum selesai dianggarkan akan meningkat kepada 13,419 kes (44%).

- c. Semakan Audit terhadap 400 sampel kes belum selesai yang melebihi 365 hari mendapati satu kes tertangguh sehingga 55 kali. Analisis Audit mendapati antara perkara yang menjadi faktor penangguhan adalah seperti berikut:
- Plaintiff/defendan tidak hadir sesi perbicaraan yang telah ditetapkan dengan atau tanpa makluman/permohonan kepada mahkamah.
 - Notis saman/waran tangkap tidak dapat disampaikan.
 - Peguam memohon menangguhkan kes atau menarik diri.
 - Kerumitan kes memerlukan perbicaraan lanjut.
 - Urusan pentadbiran JAKESS seperti Hakim berkursus, cuti dan bermesyuarat.
- d. Peratusan 400 sampel kes tertangguh mengikut 5 faktor yang tersebut di atas adalah seperti di **Carta 2.2**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Pengauditan mendapati bilangan kes belum selesai juga meningkat antaranya disebabkan oleh faktor seperti berikut:

i. Peningkatan Pendaftaran Kes Baru

- Berdasarkan rekod di MRyS, MTS dan MRS, bilangan kes yang didaftarkan bagi tahun 2010 hingga 2012 ialah 40,986 kes Mal dan 6,414 kes Jenayah menjadikan keseluruhan kes yang didaftarkan berjumlah 47,400 kes. Daripada jumlah tersebut, kes Mal merupakan 86.5% manakala kes Jenayah 13.5%. Analisis ini mendapati wujud trend peningkatan pendaftaran kes Mal dan Jenayah yang didaftarkan bagi tempoh tersebut iaitu 16,185 kes (2010),

17,961 kes (2011) dan 13,254 kes setakat bulan Ogos 2012. Jumlah ini dijangka meningkat jika pendaftaran kes baru sehingga bulan Disember diambil kira dan dianggarkan 19,872 kes. Pendaftaran kes Mal dan Jenayah di MRS, MTS dan MRyS Negeri Selangor bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Pendaftaran Kes Mal Dan Jenayah Di MRS, MTS Dan MRyS Negeri Selangor
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Jenis Mahkamah	2010		2011		2012		Jumlah	
	a	b	a	b	a	b	a	b
MRS	11,880	2,429	13,541	2,034	9,907	1,728	35,328	6,191
MTS	1,745	37	2,280	45	1,537	56	5,562	138
MRyS	39	55	37	24	20	6	96	85
Jumlah	13,664	2,521	15,858	2,103	11,464	1,790	40,986	6,414
Jumlah Besar [a+b]	16,185		17,961		13,254		47,400	

Sumber: JAKESS

Nota: a - Kes Mal
 b - Kes Jenayah

ii. Jawatan Hakim Dan Kakitangan Sokongan Tidak Diisi

- Peranan Hakim adalah amat penting bagi proses perbicaraan. Justeru, bilangan Hakim yang mencukupi pada setiap masa adalah kritikal untuk memastikan proses perbicaraan dikendalikan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati bilangan Hakim tidak diisi sepenuhnya di mana pada tahun 2010 terdapat 5 kekosongan Hakim gred LS44. Manakala pada tahun 2011 dan sehingga bulan Ogos 2012, terdapat 4 kekosongan Hakim gred yang sama. Kedudukan perjawatan Hakim di JAKESS bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Perjawatan Hakim Di JAKESS Yang Diluluskan Dan Diisi
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Nama Dan Gred Perjawatan	2010			2011			2012		
	a	b	c	a	b	c	a	b	c
Ketua Hakim, VU7	1	1	0	1	1	0	1	1	0
Hakim, LS52	1	1	0	1	1	0	1	1	0
Hakim, LS48	3	3	0	3	3	0	3	3	0
Hakim, LS44	15	10	5	15	11	4	15	11	4
Jumlah	20	15	5	20	16	4	20	16	4

Sumber: JAKESS

Nota: a - Perjawatan Diluluskan
 b - Perjawatan Diisi
 c - Kekosongan

- Analisis Audit mengenai beban kerja Hakim berdasarkan perjawatan yang telah diisi dibuat terhadap nisbah Hakim berbanding bilangan kes yang perlu dikendalikan di 3 jenis mahkamah. Pihak Audit mendapati pada tahun 2010 nisbah Hakim berbanding bilangan kes adalah 1:1,593 dan nisbah ini telah

meningkat kepada 1:1,657 pada tahun 2011. Nisbah yang sama sehingga bulan Ogos 2012 adalah 1:1,493 dan dianggarkan meningkat kepada 1:1,907 pada akhir tahun 2012. Nisbah ini tidak mengambil kira proses pengendalian kes seperti sebutan kes, perbicaraan dan penangguhan kes. Nisbah Hakim berbanding bilangan kes bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Nisbah Hakim Berbanding Bilangan Kes
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Ogos 2012

Tahun	Bil. Hakim			Bil. Kes Yang Perlu Dikendalikan	Nisbah Hakim Berbanding Bilangan Kes
	Lulus	Isi	Kosong		
2010	20	15	5	23,901	1:1593
2011	20	16	4	26,527	1:1657
2012	20	16	4	23,888	1:1493

Sumber: JAKESS

- Semakan Audit juga mendapati di samping mengendalikan perbicaraan, Hakim turut terlibat secara langsung dalam pentadbiran JAKESS seperti berperanan sebagai Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan (Ketua Hakim), Ketua Cawangan (Hakim), Ahli Jawatankuasa Peguam Syarie, menghadiri mesyuarat dan berkursus. Berdasarkan jadual perbicaraan sehingga bulan Ogos 2012, pihak Audit mendapati daripada 165 hari bekerja, Hakim MTS menggunakan purata 44 hari (26.7%) dan Hakim MRS pula menggunakan purata 65 hari (39.4%) untuk tujuan selain daripada pengendalian kes.
- **Mengikut maklum balas JAKESS bertarikh 26 November 2012, kekosongan jawatan Hakim telah diisi sepenuhnya pada bulan September 2012. Selain itu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui mesyuarat MAIS Bil. 6 Tahun 2012 telah mengarahkan JAKESS untuk menyediakan kertas cadangan kepada MAIS bagi melantik Hakim Syarie secara kontrak dengan kos emolument ditanggung oleh Lembaga Zakat Negeri Selangor. Perkara ini dalam tindakan JAKESS untuk mendapatkan persetujuan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Cadangan ini bertujuan untuk menambah bilangan Hakim sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan beban kerja Hakim dan seterusnya meningkatkan prestasi penyelesaian kes.**
- Pengisian jawatan kakitangan sokongan juga penting dalam menentukan kecekapan dan keberkesanan pengendalian kes oleh JAKESS. Perbandingan di antara waran perjawatan dan jawatan yang diisi setakat bulan Ogos 2012 mendapati 26 (15.3%) kekosongan jawatan sokongan daripada 170 jawatan yang diluluskan. Daripada jumlah kekosongan tersebut, jawatan Pembantu Syariah gred LS17/LS22 menyumbang kepada

kekosongan tertinggi iaitu 13 kekosongan (50%). Semakan Audit terhadap senarai tugas Pembantu Syariah gred LS17/LS22 mendapati jawatan ini terlibat secara langsung dalam pengendalian dan dokumentasi kes. Kedudukan perjawatan kakitangan sokongan JAKESS adalah seperti di **Jadual 2.11**.

Jadual 2.11
Kedudukan Perjawatan Kakitangan Sokongan JAKESS Hingga Bulan Ogos 2012

Jawatan	Gred	Bil. Waran	Bil. Diisi	Bil. Kosong
Penolong Pegawai Syariah	LS27/LS32	13	11	2
Pembantu Syariah	LS17/LS22	42	30	12
Pembantu Syariah	LS22	8	7	1
Jurubahasa	L17/L22	1	0	1
Penolong Akauntan	W27/W32	1	1	0
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17/W22	12	11	1
Juruteknik	J17/J22	1	1	0
Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29/F32	1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir	N27/N32	1	1	0
Pembantu Setiausaha Pejabat	N17/N22	21	16	5
Pembantu Tadbir (P/O)	N17/N22	15	15	0
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	2	2	0
Pembantu Tadbir Rendah*	N11/N14	14	12	2
Penghantar Notis	N3/N12	12	11	1
Pembantu Am Pejabat	N1/N4	12	11	1
Pemandu Kenderaan	R3/R6	13	13	0
Pembantu Perpustakaan	S17/S22	1	1	0
Jumlah		170	144	26

Sumber: JAKESS

Nota: * Jawatan Jumud

- Mengikut maklum balas JAKESS dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (BPSM SUK) masing-masing bertarikh 26 November 2012 dan 23 Januari 2013, permohonan pengisian jawatan kosong di JAKESS telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPN Selangor) sebanyak 4 kali pada tahun 2012. Seterusnya melalui surat bertarikh 23 Januari 2013, SPN Selangor memaklumkan antara bulan Jun hingga Disember 2012, satu pengisian jawatan dan pengiklanan bagi tujuan pengambilan 18 kekosongan jawatan termasuk jawatan Pembantu Syariah gred LS17/LS22 telah dibuat. Pengisian jawatan kosong tidak dibuat sebelum bulan Jun 2012 kerana arahan pembekuan pengambilan/pengisian oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.**
- Berdasarkan Pelan Strategik JAKESS Bagi Tahun 2011 Hingga 2015, pihak pengurusan JAKESS telah menetapkan semua kes yang didaftarkan pada tahun 2010 dan sebelumnya hendaklah diselesaikan pada atau sebelum 31

Disember 2015 melalui pengisian jawatan Hakim dan kakitangan sokongan serta membuat penyusunan semula jawatan.

iii. Agihan Pengendalian Kes Di MRS Tidak Sama Rata

- Berdasarkan jumlah 11 Hakim di seluruh Negeri Selangor dan jumlah 19,340 kes yang perlu dikendalikan bagi tahun 2012, purata bilangan kes berbanding bilangan Hakim ialah 1,758. Analisis Audit mendapati agihan pengendalian kes di MRS adalah tidak sama rata berdasarkan purata bilangan kes berbanding bilangan Hakim 1,758 ini. Purata bilangan kendalian kes berbanding bilangan Hakim bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Purata Bilangan Kendalian Kes Berbanding Bilangan Hakim Di MRS
Bagi Tahun 2012 (Hingga Bulan Ogos)

MRS	Bil. Kes Tahun 2012 [a]	Bil. Hakim [b]	Purata Bil. Kes Yang Dikendalikan Oleh Seorang Hakim [a/b]	Lebih/-Kurangan Bilangan Kes Berbanding Purata 1,758 Kes	
				Bil.	(%)
Petaling	3,707	1	3,707	1,949	110.8
Hulu Langat	4,449	2	2,224	466	26.5
Gombak Barat	1,544	1	1,544	-214	-12.1
Klang	2,719	2	1,359	-399	-22.6
Bandaraya Shah Alam	2,629	2	1,314	-444	-25.2
Kuala Selangor*	825	1	1,479	-279	-15.8
Sabak Bernam*	654				
Gombak Timur*	806	1	1,494	-264	-15
Hulu Selangor*	688				
Kuala Langat*	830	1	1,319	-439	-24.9
Sepang*	489				
Jumlah	19,340	11	1,758	-	-

Sumber: JAKESS

Nota: * MRS Berkongsi Satu Hakim

- Terdapat 2 MRS yang mengendalikan kes melebihi purata 1,758 kes setahun iaitu MRS Petaling dan MRS Hulu Langat dengan purata bilangan kendalian kes setiap Hakim masing-masing 3,707 dan 2,224 kes. Bagi 9 MRS yang lain, purata bilangan kendalian kes bagi setiap Hakim adalah antara 1,314 hingga 1,544 kes. Berdasarkan purata bilangan kendalian kes, Hakim MRS Petaling dan Hulu Langat masing-masing mengendalikan 110.8% dan 26.5% kes melebihi purata. Manakala Hakim di 9 MRS yang lain mengendalikan antara 12.1% hingga 25.2% kes kurang daripada purata. Ini menunjukkan ketidakseimbangan bagi bilangan kendalian kes antara MRS. Bagi MRS yang tidak mempunyai Hakim, JAKESS mengarahkan Hakim yang mempunyai bilangan kendalian kes yang rendah di sesuatu MRS melaksanakan tugas di

MRS berkenaan. Antaranya Hakim daripada MRS Kuala Selangor, Kuala Langat dan Gombak Timur ditugaskan ke MRS Sabak Bernam, Sepang dan Hulu Selangor yang tidak mempunyai Hakim. Bagaimanapun, JAKESS tidak menjadualkan Hakim di MRS yang mempunyai bilangan kes yang rendah ke MRS dengan bilangan kes yang tinggi. **Berdasarkan maklum balas JAKESS bertarikh 26 November 2012, arahan akan dibuat kepada Hakim di daerah yang mempunyai statistik kes yang rendah untuk membantu Hakim di daerah yang mempunyai statistik kes yang tinggi untuk memastikan agihan pengendalian kes seimbang dan seterusnya mengurangkan jumlah kes belum selesai.**

2.4.1.3. Majlis Sulh Perlu Penambahbaikan

- a. Al-Sulh bermaksud satu ikatan perjanjian atau kontrak bersama untuk mencapai kompromi pendamaian antara 2 atau lebih pihak yang berselisih faham/bertikai. Majlis Sulh di JAKESS dipengerusikan oleh Pegawai Sulh yang dilantik dari kalangan Pegawai Syariah gred LS41 dan sekiranya persetujuan diperoleh daripada pihak yang terlibat, persetujuan tersebut akan direkodkan oleh Hakim sebagai suatu perintah mahkamah tanpa melalui proses perbicaraan.
- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010, sebanyak 985 kes (46.6%) daripada 2,114 kes yang dibawa ke Majlis Sulh berjaya diselesaikan. Bilangan kes berjaya diselesaikan meningkat kepada 1,230 kes (51.6%) daripada 2,384 kes pada tahun 2011. Manakala sehingga bulan Mei 2012, sebanyak 469 kes (50%) daripada 938 kes berjaya diselesaikan. Majlis Sulh menjimatkan kos guaman pihak dalam pertikaian kerana tidak memerlukan khidmat peguam dan menjimatkan masa mahkamah kerana penyelesaian sesuatu kes dapat dibuat dengan cepat. Bagaimanapun, Majlis Sulh hanya dikendalikan oleh Pegawai Syariah gred LS41 di mana aktiviti Sulh menjadi *training ground* kepada pegawai yang baru dilantik. Prestasi penyelesaian kes melalui Majlis Sulh boleh dipertingkatkan dan struktur unit ini diperkasakan dengan penyertaan Pegawai Syariah yang lebih berpengalaman dengan gred yang lebih tinggi. Prestasi penyelesaian kes melalui kaedah Sulh adalah seperti di **Jadual 2.13**.

Jadual 2.13
Prestasi Penyelesaian Kes Melalui Kaedah Sulh
Bagi Tahun 2010 Hingga Bulan Mei 2012

Tahun	Nama Mahkamah	Jumlah	Berjaya		Bicara
			Bil.	(%)	
2010	MTS	706	248	35.13	458
	MRS	1,408	737	52.34	671
Jumlah Tahun 2010		2,114	985	46.60	1,129
2011	MTS	870	375	43.10	495
	MRS	1,514	855	56.47	659
Jumlah Tahun 2011		2,384	1,230	51.60	1,154
2012	MTS	402	190	47.26	212
	MRS	536	279	52.05	257
Jumlah Tahun 2012		938	469	50.00	469
Jumlah Besar		5,436	2,684	49.37	2,752

Sumber: JAKESS

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya JAKESS telah mengendalikan kes syariah dengan cekap dan berkesan. Bagaimanapun, bilangan kes yang belum selesai meningkat antara 35.8% hingga 52.3% bagi tahun 2010 hingga bulan Ogos 2012. Pihak JAKESS perlu mengambil langkah-langkah positif untuk meningkatkan lagi prestasi penyelesaian kes selaras dengan objektif penubuhannya.

2.4.2. Isu Lain Yang Memberi Kesan Kepada Prestasi Pengurusan

2.4.2.1. Persekitaran Kerja Yang Tidak Kondusif

- a. Untuk menguruskan kes dengan cekap dan berkesan, JAKESS hendaklah menyediakan infrastruktur yang lengkap dan selesa serta persekitaran kerja yang kondusif. Lawatan Audit ke MRS Klang dan MRS Petaling mendapati kedua-dua MRS ini beroperasi di bangunan baru dengan persekitaran yang selesa bagi pegawai dan orang awam. Bagaimanapun, lawatan Audit ke MRS Hulu Langat mendapati aktiviti pengendalian dan pengurusan kes oleh 13 pegawai termasuk 2 orang Hakim dilaksanakan di dalam bangunan lama dengan persekitaran kerja yang tidak selesa. Ini boleh dijelaskan dengan ruang kerja pegawai yang sempit, tempat penyimpanan dokumen yang sesak dan sukar diakses, ruang menunggu orang awam yang terhad serta ketiadaan ruang parkir kakitangan dan pelanggan. Keadaan ini menjejaskan pengurusan kes dan boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan dokumen. Semakan Audit terhadap sampel kes di MRS Hulu Langat mendapati 2 kes tertangguh sehingga 2 tahun disebabkan pegawai terlepas pandang fail perbicaraan kerana masalah penyimpanan dokumen. **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4** adalah berkaitan.

Gambar 2.1
MRS Klang Beroperasi Di Bangunan Baru
Sejak Bulan Julai 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Klang
Tarikh: 27 September 2012

Gambar 2.2
MRS Petaling Beroperasi Di Bangunan Baru
Sejak Bulan November 2011



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Petaling
Tarikh: 27 September 2012

Gambar 2.3
Ruang Kerja Yang Sempit Boleh
Menimbulkan Ketidakselesaian
Kepada Pegawai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Hulu Langat
Tarikh: 28 September 2012

Gambar 2.4
Ruang Penyimpanan Dokumen Sesak
Dan Sukar Diakses



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Hulu Langat
Tarikh: 28 September 2012

- b. Semakan Audit di Bahagian Pembangunan JAKESS mendapati sebuah bangunan baru untuk keperluan MRS Hulu Langat telah mula dibina pada tahun 2008 dengan kos RM12.95 juta dan dijadualkan siap serta boleh digunakan pada bulan Oktober 2011. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan dijalankan, bangunan ini masih dalam proses pembinaan oleh kontraktor dilantik dengan lanjutan masa sehingga bulan Julai 2013. Kelewatan ini menjejaskan proses perpindahan yang telah dirancang oleh pihak JAKESS. **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6** adalah berkaitan.

Gambar 2.5
Bangunan Baru MRS Hulu Langat Yang Masih Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Hulu Langat
Tarikh: 4 Oktober 2012

Gambar 2.6



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MRS Hulu Langat
Tarikh: 4 Oktober 2012

2.4.2.2. Sistem e-Syariah Tidak Digunakan Sepenuhnya

e-Syariah adalah sistem elektronik mahkamah syariah yang dibangunkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan mula digunakan oleh JAKESS pada tahun 2002. Objektif utama e-Syariah antaranya adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mahkamah syariah, meningkatkan keberkesanan menyelaras dan memantau agensi di bawah JKSM serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan mahkamah syariah. Antara fungsi e-Syariah adalah pendaftaran kes, penjadualan kes, pengagihan kes, perekodan keputusan kes dan cetakan keputusan, perakaunan hasil, carian secara *online*, menjana laporan dan sistem sokongan kepada pengurusan rekod. Semakan Audit terhadap sistem dan tahap penggunaannya mendapati perkara berikut:

- a. e-Syariah dilengkapi dengan keupayaan untuk menjadualkan kes mengikut kebolehsediaan (*availability*) Hakim dan dewan perbicaraan. Di samping itu, sistem ini menyediakan modul Kalendar Mahkamah kepada Hakim untuk menyelenggara jadual kerja dan urusan pentadbiran. Semakan Audit mendapati penjadualan secara elektronik ini tidak digunakan sepenuhnya kerana hanya seorang Hakim daripada 4 Hakim di MTS sahaja menyelenggara dan mengemas kini modul yang disediakan pada tahun 2012.
- b. Sebahagian besar alasan penghakiman tidak dikemas kini dalam modul Rekod Penghakiman e-Syariah. Sebagai contoh, pada tahun 2010, hanya 2 alasan penghakiman kes Mal di MTS dikemas kini daripada 1,420 kes yang telah selesai pada tahun tersebut. Bagi tahun 2011, hanya satu alasan penghakiman dikemas kini dan tiada alasan penghakiman dibuat bagi tahun 2012 berbanding kes Mal yang telah selesai pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing 1,979 kes dan 1,145 kes. Keadaan ini disebabkan oleh beban kerja Hakim untuk mengendalikan urusan perbicaraan dan urusan pentadbiran yang banyak.

- c. Capaian e-Syariah tidak stabil di mana tempoh masa yang diambil untuk membuat carian, mendaftarkan kes dan menjadualkan kes mengambil masa yang lama. Berdasarkan rekod dan ujian yang dibuat oleh pihak Audit, tempoh masa yang diambil untuk mendaftarkan kes di MRS Klang adalah antara 23 minit hingga 49 minit dan di MRS Hulu Langat antara 15 minit hingga 41 minit. Selain itu, pengalaman pihak Audit dalam membuat carian menggunakan sistem ini turut mendapati gangguan capaian melambatkan proses kerja. Menurut Bahagian ICT JAKESS, gangguan capaian ini antaranya disebabkan masalah kendalian *server* di Ibu Pejabat JKSM.

2.4.2.3. Bon Jaminan Tidak Diuruskan Dengan Berkesan

- a. Bon Jaminan adalah wang awam dan perlu diakaun dan diuruskan mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan. Pegawai Perakaunan tidak boleh membuka mana-mana akaun awam tanpa kebenaran bertulis Pihak Berkuasa Kewangan Negeri. Selain itu, suatu daftar perlu diselenggarakan untuk memastikan Bon Jaminan boleh dikembalikan kepada Orang Kena Tuduh (OKT) selepas sesuatu kes selesai. Sebelum tahun 1998, Bon Jaminan dibayar secara tunai oleh OKT dan diakaunkan ke dalam 6 akaun deposit iaitu Akaun Amanah Deposit MTS, MRS Petaling, MRS Gombak Timur, MRS Hulu Langat, MRS Kuala Langat dan MRS Kuala Selangor. Akaun ini dibuka melibatkan 11 penandatanganan bagi pihak JAKESS iaitu 2 orang penandatanganan bagi setiap akaun kecuali Akaun Amanah Deposit MRS Hulu Langat dengan seorang penandatanganan.
- b. Semakan Audit mendapati akaun ini tidak lagi berfungsi sebagai sebahagian daripada pengurusan Bon Jaminan kerana selepas tahun 1998, JAKESS tidak menerima jaminan OKT dalam bentuk wang tunai tetapi menggunakan sijil simpanan tetap atau buku akaun bank. Sehingga tarikh pengauditan, baki terkumpul yang direkodkan dalam 6 akaun deposit berjumlah RM243,125. Semakan Audit turut mendapati JAKESS tidak menyelenggara Daftar Bon Jaminan menyebabkan pendeposit sukar dikesan dan status kes melibatkan pendeposit tidak dapat ditentukan. Pihak Audit juga mendapati seramai 7 penandatanganan tidak lagi berkhidmat dengan JAKESS dan keadaan ini akan menyukarkan pengurusan akaun Bon Jaminan. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 26 November 2012, JAKESS sedang dalam proses untuk menutup 6 akaun deposit Bon Jaminan tersebut.**

Pada pendapat Audit, prestasi pengurusan kes di JAKESS boleh dipertingkatkan dengan menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, sistem e-Syariah digunakan sepenuhnya dan Bon Jaminan diuruskan mengikut peraturan yang ditetapkan.

2.5. SYOR AUDIT

Untuk mempertingkatkan prestasi pengendalian kes dan menangani kelemahan yang wujud, pihak Audit mengesyorkan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

2.5.1. Meningkatkan prestasi penyelesaian kes dengan:

- a.** Memastikan kekosongan jawatan Hakim dan kakitangan sokongan diisi sepenuhnya.
- b.** Memobilisasikan Hakim daripada Mahkamah Rendah Syariah yang mempunyai bilangan kes yang rendah ke Mahkamah Rendah Syariah yang mempunyai bilangan kes yang tinggi.
- c.** Mengkaji semula keperluan bilangan Hakim selaras dengan pertambahan bilangan kes syariah yang didaftarkan setiap tahun.
- d.** Memperkasakan Majlis Sulh dengan penyertaan pegawai yang lebih berpengalaman dengan gred yang lebih tinggi.
- e.** Memastikan kerja pembinaan bangunan Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat siap mengikut jadual yang ditetapkan supaya usaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan perkhidmatan yang selesa kepada pelanggan tercapai.

2.5.2. Memastikan sistem e-Syariah digunakan sepenuhnya dalam pengendalian dan pengurusan kes.

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

3. KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Sdn. Bhd. (KUIS Sdn. Bhd.) merupakan syarikat milik penuh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah ditubuhkan pada 28 September 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. KUIS Sdn. Bhd. bertanggungjawab mengendalikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di bawah peruntukan Seksyen 22, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Penubuhan KUIS telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan didaftarkan pada 15 Februari 1995 setelah ditukar namanya daripada Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR). Objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab. Pada tahun 2012/2013, KUIS mengendalikan 6 buah fakulti yang menawarkan sejumlah 26 program merangkumi 12 program Diploma dan 14 program Sarjana Muda. KUIS Sdn. Bhd. memiliki modal dibenarkan dan modal berbayar masing-masing berjumlah RM25 juta dan RM15 juta serta beroperasi di Bandar Seri Putra, Kajang. KUIS Sdn. Bhd. mempunyai sebuah syarikat subsidiari iaitu KUISCeLL Sdn. Bhd. dan sebuah syarikat berhad menurut jaminan iaitu Yayasan KUIS.

3.1.2. Lembaga Pengarah KUIS Sdn. Bhd. terdiri daripada 7 orang ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor dan 6 orang ahli yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor, Penasihat Undang-undang Negeri, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Rektor KUIS. Pengurusan KUIS Sdn. Bhd. diketuai oleh Rektor dan dibantu oleh 347 orang staf akademik dan 249 orang staf pentadbiran. Pengurusan KUIS Sdn. Bhd. adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Memorandum Dan Artikel Penubuhan, Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd. adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat. Bagi prestasi kewangan, analisis trend telah dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2009 hingga 2011. Bagi pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat, kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, fail dan rekod yang berkaitan bagi tahun 2010 hingga 2012. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai KUIS Sdn. Bhd. juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Selain itu, pemeriksaan fizikal terhadap aset telah dijalankan untuk mengesahkan kewujudannya. Borang soal selidik juga telah diedarkan bagi menilai tahap kepuasan pelajar.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2012 hingga Februari 2013 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun 2011 adalah tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan. KUIS Sdn. Bhd. memperoleh keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2009 dan 2010 masing-masing berjumlah RM8.25 juta dan RM4.36 juta. Bagaimanapun pada tahun 2011, KUIS Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM11.30 juta. Faktor penyumbang utama kepada perubahan trend kedudukan kewangan ini adalah kerana KUIS Sdn. Bhd. sedang melalui proses transformasi mulai tahun 2011 dan pelaksanaan transformasi ini mengambil masa selama 4 tahun. Sungguhpun mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2011, KUIS Sdn. Bhd. masih memperoleh keuntungan terkumpul sejumlah RM17.76 juta pada tahun tersebut. Selain itu, pengurusan aktiviti KUIS yang dikendalikan oleh KUIS Sdn. Bhd. kurang memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah baik. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan yang perlu penambahbaikan dan pembetulan segera seperti yang diringkaskan di bawah dan dijelaskan dalam perenggan-perenggan berikut:

- Pengambilan pelajar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.
- Jumlah pelajar aktif melebihi kapasiti fasiliti akademik yang disediakan.
- Tunggakan yuran yang tinggi.
- Kemudahan asrama pelajar tidak digunakan sepenuhnya.
- *Corporate Integrity Pledge/Integrity Pact* tidak ditandatangani/dilaksanakan.
- Sebanyak 195,000 naskhah Buku Perbendaharaan Al-Quran dengan kos RM1.66 juta tidak dapat dijual kerana sambutan yang tidak menggalakkan. Buku ini telah/akan diberi secara sumbangan kepada badan/orang awam.
- Peralatan komputer yang rosak sejak tahun 2011 belum dilupuskan. Jumlah nilai harta modal berkenaan tidak dapat disahkan.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd., analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan:

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. KUIS Sdn. Bhd. mengalami kerugian sebelum cukai pada tahun 2011 berjumlah RM11.30 juta berbanding tahun 2010 dan 2009 masing-masing yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM4.36 juta dan RM8.25 juta. Kerugian dialami syarikat pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh penurunan dalam jumlah pendapatan utama syarikat iaitu yuran pelajar dan peningkatan dalam kos jualan syarikat. Pada tahun 2011, penurunan jumlah pendapatan adalah RM12.01 juta (17.7%) dan peningkatan kos jualan RM6.36 juta (16.7%) berbanding tahun 2010. Keuntungan terkumpul KUIS Sdn. Bhd. sehingga 31 Disember 2011 berjumlah RM17.76 juta. Pada tahun 2010, KUIS Sdn. Bhd. telah memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM29.06 juta iaitu meningkat sejumlah RM4.36 juta berbanding tahun 2009 dan menurun sejumlah RM11.30 juta pada tahun 2011.
- b. Pendapatan utama KUIS Sdn. Bhd. adalah terdiri daripada yuran pelajar, yuran asrama dan yuran pendaftaran. Pendapatan lain yang diterima terdiri daripada geran yang disumbangkan oleh MAIS, hibah bank dan sumbangan daripada pihak luar. Bagi tahun 2009 hingga 2011, geran yang diberi oleh MAIS kepada KUIS Sdn. Bhd. sejumlah RM12 juta setiap tahun. Pendapatan KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM63.09 juta dan meningkat kepada RM67.77 juta pada tahun 2010 tetapi menurun kepada RM55.76 juta pada tahun 2011. Analisis Audit mendapati penurunan pendapatan pada tahun 2011 adalah disebabkan penurunan jumlah pelajar baru yang mendaftar dan jumlah keseluruhan pelajar.
- c. Analisis Audit terhadap perbelanjaan KUIS Sdn. Bhd. mendapati berlaku peningkatan terhadap jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 dan 2011. Pada tahun 2009, perbelanjaan KUIS Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM54.84 juta dan telah meningkat kepada RM63.41 juta pada tahun 2010 dan semakin meningkat kepada RM67.06 juta pada tahun 2011. Pada tahun 2010, perbelanjaan meningkat sejumlah RM8.57 juta (15.6%) berbanding tahun 2009 dan sejumlah RM3.65 juta (5.8%) pada tahun 2011 berbanding tahun 2010. Analisis Audit selanjutnya mendapati peningkatan perbelanjaan yang ketara disebabkan oleh 2 perkara berikut:
 - i. Kos kakitangan akademik pada tahun 2009 hingga 2011 masing-masing berjumlah RM16.85 juta, RM18.48 juta dan RM21.63 juta. Ini menunjukkan kenaikan pada setiap tahun selaras dengan penambahan kakitangan.


- ii. Pembayaran sewa asrama pelajar pada tahun 2009 hingga 2011 masing-masing berjumlah RM9.50 juta, RM15.41 juta dan RM18.18 juta. Bayaran sewa asrama ini akan meningkat 10% bagi setiap 3 tahun bagi tempoh 16 tahun pertama manakala kenaikan 5% bagi setiap 3 tahun sehingga tahun ke 30.
- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, keuntungan tahunan dan terkumpul KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Pendapatan, Perbelanjaan, Untung/Rugi KUIS Sdn. Bhd.
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011


Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan Aktiviti	47.85	53.79	38.64
Kos Jualan	30.29	38.10	44.46
Untung/Rugi Kasar	17.56	15.69	-5.82
Lain-Lain Pendapatan	15.24	13.98	17.12
Belanja Am, Pentadbiran Dan Operasi	24.52	25.27	22.58
Untung/Rugi Operasi	8.28	4.40	-11.28
Kos Kewangan	0.03	0.04	0.02
Untung/Rugi Operasi Sebelum Cukai	8.25	4.36	-11.30
Cukai	0	0	0
Untung/Rugi Selepas Cukai	8.25	4.36	-11.30
Keuntungan Terkumpul	24.71	29.06	17.76

Sumber: KUIS Sdn. Bhd.

Carta 3.1
Trend Untung/Rugi Sebelum Cukai Dan
Keuntungan Terkumpul KUIS Sdn. Bhd.
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Carta 3.2
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan
KUIS Sdn. Bhd.
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011



Sumber: KUIS Sdn. Bhd.

3.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd., 4 nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan KUIS Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	2.24:1	2.54:1	1.69:1
Margin Untung Bersih	17.2%	8.1%	-29.3%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.12:1	0.06:1	-0.19:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.55:1	0.29:1	-0.75:1

Sumber: KUIS Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah semasa digunakan bagi mengukur tahap kecairan kewangan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat membayar hutang dalam jangka pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati kadar kecairan KUIS Sdn. Bhd. bagi tahun 2011 adalah 1.69:1 menurun berbanding 2.54:1 pada tahun 2010 dan 2.24:1 pada tahun 2009. Ini menunjukkan kemampuan aset semasa KUIS Sdn. Bhd. pada tahun 2011 untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek adalah semakin menurun namun memuaskan.

b. Margin Untung Bersih

Margin untung bersih adalah pendekatan yang lazim digunakan bagi mengukur keberkesanan aktiviti utama dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap kenaikan hasil ia memberi nilai tambah terhadap peningkatan kadar keuntungan syarikat. Pada umumnya, nisbah yang lebih tinggi adalah lebih baik. Analisis Audit mendapati margin untung bersih KUIS Sdn. Bhd. pada tahun 2011 adalah -29.3% iaitu menurun secara drastik berbanding 8.1% pada tahun 2010 dan 17.2% pada tahun 2009. Ini menunjukkan margin untung bersih KUIS Sdn. Bhd. pada tahun 2011 adalah tidak memuaskan. Penurunan ini adalah disebabkan berlakunya peningkatan dalam kos kakitangan akademik dan sewa asrama serta penurunan pelajar yang berdaftar.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah pulangan ke atas aset adalah bagi mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Keupayaan pengurusan menggunakan aset yang dimiliki untuk menjana pendapatan operasi di mana semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan untuk menjana pendapatan. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas aset pada tahun 2011 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan iaitu pada kadar -0.19:1 atau -19 sen pada setiap ringgit aset yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan penurunan berbanding pada tahun 2010 dan 2009 masing-masing sebanyak 0.06:1 atau 6 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan dan 0.12:1 atau 12 sen daripada setiap ringgit aset yang digunakan. Ini menunjukkan KUIS Sdn. Bhd. tidak cekap dalam menguruskan aset yang dimiliki bagi menjana pendapatan operasi syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah pulangan ke atas ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan untung yang lebih tinggi kepada pemiliknya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti pada tahun 2011 adalah tidak memuaskan kerana tiada pulangan diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan iaitu pada kadar -0.75:1 atau -75 sen pada setiap ringgit modal yang digunakan. Nisbah ini menunjukkan penurunan berbanding pada tahun 2010 dan 2009 masing-masing pada kadar 0.29:1 atau 29 sen setiap ringgit modal yang digunakan dan 0.55:1 atau 55 sen pada setiap ringgit modal yang digunakan. Ini menunjukkan KUIS Sdn. Bhd. tidak cekap dalam menguruskan modal yang dilaburkan bagi memperoleh pulangan hasil yang tinggi.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KUIS Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan. Ini adalah disebabkan pada tahun 2011, penurunan pelajar yang berdaftar telah mengakibatkan yuran berkurangan serta kos kakitangan akademik dan sewa asrama meningkat. KUIS Sdn. Bhd. perlu mengambil langkah positif untuk meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan aktiviti yang cekap memastikan kelancaran syarikat dan seterusnya mencapai objektif yang ditetapkan dalam pelan perancangan strategik. Aktiviti utama KUIS Sdn. Bhd. adalah berteraskan pembangunan pendidikan. Oleh itu, fokus pengauditan yang dijalankan adalah terhadap program pengajian dari peringkat diploma hingga ke peringkat ijazah sarjana muda yang dikendalikan oleh KUIS. Bagi menilai prestasi pengurusan aktiviti KUIS, pihak Audit telah membuat semakan terhadap perkara berikut:

3.4.2.1. Pengambilan Pelajar Tidak Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan

- a. Sasaran jumlah pelajar adalah dengan mengoptimumkan penggunaan ruang kapasiti pembelajaran dan pengajaran serta kapasiti asrama. Bagi tahun 2010 hingga 2012, KUIS telah mensasarkan kemasukan pelajar baru antara 2,000 pelajar hingga 3,500 pelajar berdasarkan pengambilan pelajar sebanyak 2 kali setahun iaitu pada sesi Mei dan September. Prestasi kemasukan pelajar baru yang mendaftar berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Jumlah Pelajar Baru Mendaftar Berbanding Sasaran
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Jumlah Pelajar		Perbezaan [a-b]	Pencapaian Pelajar Berdaftar (%)
	Sasaran [a]	Berdaftar [b]		
2010	2,577	2,573	4	99.8
2011	3,164	1,624	1,540	51.3
2012	3,181	1,360	1,821	42.8
Jumlah	8,922	5,557	3,365	

Sumber: KUIS

- b. Analisis Audit ke atas maklumat jumlah pelajar baru mendaftar berbanding dengan sasaran pelajar mendapati pada tahun 2010, pengambilan pelajar baru adalah seramai 2,573 pelajar manakala pada tahun 2011 dan 2012 masing-masing seramai 1,624 pelajar dan 1,360 pelajar. Ini menunjukkan prestasi pengambilan pelajar baru bagi tahun 2010 hingga 2012 menurun iaitu dari 51.3% pada tahun 2011 kepada 42.8% pada Disember tahun 2012. Penurunan pengambilan bilangan pelajar ini disebabkan oleh perkara yang diterangkan dalam perenggan berikut:
 - i. Syarat kelayakan bagi mengikuti program Diploma yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) adalah lulus Sijil Pelajaran Malaysia dengan 3 kredit/kepujian atau Sijil yang setaraf dengannya. Bagaimanapun mulai sesi 1 tahun 2011/2012, KUIS telah meminda syarat kemasukan dalaman terhadap program pengajian daripada 3 kredit/kepujian kepada 5 kredit/kepujian serta terdapat program disyaratkan lulus dalam temu duga. Antara pindaan syarat yang telah dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 3.4**. KUIS telah meminda syarat kemasukan dalaman kerana syarat kemasukan sedia ada didapati

menyumbang kepada kemerosotan prestasi akademik pelajar. **Selepas teguran Audit, KUIS melalui maklum balas bertarikh 9 April 2013, bersetuju mempertimbangkan semula kelayakan masuk kepada 3 kredit/kepujian bagi program Diploma Komunikasi tetapi mengekalkan sesi temu duga.**

Jadual 3.4

Pindaan Syarat Kelayakan Kemasukan Pelajar Baru Mulai Tahun 2011/2012

Program	Syarat Kemasukan MQA	Syarat Kemasukan (Dalam) Baru
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah		
Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Perbankan Islam	Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia dengan 3 kredit/kepujian dan lulus Matematik atau lulus Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelayakan lain yang setara dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.	a. Lulus SPM dengan kepujian/kredit dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan mana-mana 3 mata pelajaran lain tidak termasuk Lukisan atau; b. Lulus Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelayakan lain yang setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia.
Akademi Islam		
Diploma Syariah Dan Perundangan Islam	Lulus SPM dengan 3 kredit/kepujian atau Sijil yang setaraf dengannya	Lulus dengan 3 kredit/kepujian dan lulus Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab Tinggi (keutamaan kredit Bahasa Arab Tinggi) serta temu duga
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi		
Diploma Komunikasi	Lulus SPM dengan 3 kredit/kepujian atau Sijil yang setaraf dengannya	a. Lulus SPM/setaraf dengannya dan mendapat 5 kredit/kepujian termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta kredit/kepujian dalam 3 subjek yang lain b. Lulus temu duga

Sumber: KUIS

- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kemasukan Pelajar Baru KUIS Bil. 1 Tahun 2012/2013 bertarikh 19 Januari 2012 menyatakan penawaran program adalah tertakluk kepada jumlah pengambilan pelajar sekurang-kurangnya 20 orang dalam satu kelas. Semakan Audit mendapati program yang tidak mendapat sambutan menggalakkan adalah Diploma Kejururawatan. Pengambilan pelajar Diploma Kejururawatan mengalami penurunan yang ketara pada tahun 2011 berbanding 2010. Pada tahun 2010, seramai 93 pelajar baru telah berdaftar dan jumlah ini menurun kepada 29 pelajar pada tahun 2011. Kesan daripada tiadanya pengambilan pelajar baru pada tahun 2012 menyebabkan nisbah pelajar dan pensyarah tidak seimbang yang mana perkhidmatan pensyarah tidak dapat dimanfaatkan secara maksimum seperti di **Jadual 3.5. Mengikut maklum balas bertarikh 9 April 2013, KUIS memaklumkan program Diploma Kejururawatan tidak ditawarkan pada tahun 2012. Oleh itu, KUIS membuat cross teaching di antara fakulti yang terlibat dan merging of faculties** bagi mengimbangi kos akademik dengan bilangan pelajar. Selain


itu, syarat kemasukan pelajar program Diploma Kejururawatan adalah 5 kredit/kepujian seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Jadual 3.5
Nisbah Pelajar Berbanding Pensyarah/Pengajar Klinikal Bagi Tahun 2012

Program	Bilangan Pelajar	Jenis/Bilangan		Kadar Sebenar	Kadar Ditetapkan MQA
Diploma Kejururawatan	109	Pensyarah	16	1:07	1:20
		Pengajar Klinikal	20	1:05	1:15

Sumber: KUIS

- iii. Pada tahun 2010 hingga 2012, jumlah pelajar baru yang mendaftar adalah seramai 5,557 pelajar berbanding 19,855 pelajar yang ditawarkan. Jumlah ini menunjukkan pelajar yang mendaftar adalah tersangat kurang daripada yang ditawarkan. Antara faktor penolakan tawaran bagi sesi 1 tahun 2012/2013 adalah seperti di **Carta 3.3**.



Sumber: KUIS

- iv. Selain daripada faktor seperti di atas, pemasaran dan promosi merupakan salah satu faktor penyebab penurunan bilangan pelajar. Semakan Audit mendapati peruntukan pemasaran dan promosi KUIS bagi tahun 2010 hingga 2012 telah dikurangkan di mana sejumlah RM2.25 juta telah digunakan untuk belanja operasi lain. KUIS hanya membelanjakan sejumlah RM2.17 juta (49.1%) bagi tujuan pemasaran dan promosi. **Mengikut perbincangan semasa exit conference pada 18 April 2013, KUIS telah menubuhkan jawatankuasa adhoc promosi yang melibatkan pensyarah dan Jabatan Korporat KUIS di**

mana 60% peruntukan promosi diagihkan kepada fakulti manakala 40% kepada Jabatan Korporat KUIS.

- c. Analisis perbandingan antara sasaran pengambilan pelajar baru yang ditetapkan dan kapasiti akademik sedia ada, pihak Audit mendapati sasaran ini adalah tidak realistik. Pihak Audit berpendapat jumlah pelajar hendaklah bersesuaian dengan kemampuan fasiliti pembelajaran dan pengajaran serta kapasiti fasiliti asrama sesebuah pusat pengajian. Walaupun trend jumlah pelajar aktif mula menurun, sasaran pengambilan pelajar baru yang ditetapkan tidak menepati jumlah kapasiti fasiliti akademik sedia ada. Sekiranya sasaran pelajar baru berjaya dicapai 100%, maka jumlah pelajar baru dan pelajar sedia ada akan melebihi jumlah kapasiti fasiliti akademik iaitu antara 515 pelajar hingga 2,761 pelajar seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Jumlah Sasaran Pelajar Baru Dan Pelajar Sedia Ada Berbanding Dengan Kapasiti Fasiliti Akademik Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Sesi/ Tahun	Jumlah Pelajar		Jumlah Keseluruhan [c=a+b]	Kapasiti Fasiliti Akademik Setiap Sesi [d]	Lebihan [e=c-d]
	Sasaran Pelajar Baru [a]	Pelajar Sedia Ada [b]			
1/2010	2,417	5,290	7,707	4,946	2,761
2/2010	160	6,456	6,616		1,670
1/2011	1,643	5,605	7,248		2,302
2/2011	1,521	5,168	6,689		1,743
1/2012	1,396	4,065	5,461		515
2/2012	1,785	4,078	5,863		917

Sumber: KUIS

- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati kapasiti fasiliti akademik yang dibina di KUIS adalah untuk 4,946 pelajar setiap sesi pada tahun 2000. Jumlah pelajar aktif (baru dan sedia ada) pada tahun 2010 dan 2011 adalah antara 5,874 hingga 7,212 pelajar setiap sesi iaitu telah melebihi kapasiti sedia ada iaitu antara 928 hingga 2,266 pelajar setiap sesi. Pada tahun 2012, jumlah pelajar aktif pula menurun kepada 4,622 pelajar dan 4,881 pelajar setiap sesi. Komposisi pelajar berbanding kapasiti fasiliti akademik adalah seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7**Perbandingan Pelajar Aktif Dengan Kapasiti Fasiliti Akademik Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Sesi/ Tahun	Jumlah Pelajar		Jumlah Pelajar Aktif [c=a+b]	Kapasiti Fasiliti Akademik Setiap Sesi [d]	Lebihan/ Kurangan [e=c-d]
	Pelajar Baru [a]	Pelajar Sedia Ada [b]			
1/2010	1,817	5,290	7,107	4,946	2,161
2/2010	756	6,456	7,212		2,266
1/2011	918	5,605	6,523		1,577
2/2011	706	5,168	5,874		928
1/2012	816	4,065	4,881		-65
2/2012	544	4,078	4,622		-324

Sumber: KUIS

- e. Jumlah pelajar aktif melebihi kapasiti fasiliti akademik disebabkan KUIS menetapkan pengambilan pelajar seramai 10,000 orang semasa pengurusan lama bagi memenuhi keperluan permohonan menjadi universiti penuh pada tahun 2010. Bagaimanapun, pengambilan pelajar mula diturunkan selaras dengan kapasiti fasiliti akademik pada tahun 2011 semasa pengurusan baru. Pengambilan pelajar melebihi kapasiti fasiliti akademik ini telah mengakibatkan antaranya sesi kuliah diadakan pada waktu malam dan ruangan pelbagai guna seperti auditorium dan dewan teater dijadikan sebagai ruang pengajaran dan pembelajaran.

3.4.2.2. Prestasi Pengeluaran Graduan Memuaskan Tetapi Boleh Dipertingkatkan

- a. Berdasarkan objektif penubuhan dan pelan transformasi KUIS, matlamat KUIS sebagai pusat pengajian adalah untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab. KUIS menjangkakan pelajar yang berdaftar akan menamatkan pengajian di KUIS.
- b. Semakan Audit mendapati dari tahun 2000 hingga 2012, KUIS telah melahirkan seramai 9,476 graduan (59%) berbanding 16,064 orang pelajar berdaftar. Graduan KUIS terdiri daripada 2,562 graduan lelaki dan 6,914 graduan perempuan. Fakulti yang mencatatkan jumlah graduan yang tertinggi adalah Akademi Islam iaitu seramai 3,844 graduan (40.6%) dan yang terendah adalah Sains Kejururawatan Dan Kesihatan Sekutu iaitu seramai 536 graduan (5.6%). Maklumat graduan KUIS mengikut fakulti bagi tahun 2000 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Jumlah Graduan Mengikut Fakulti Bagi Tahun 2000 Hingga 2012

Fakulti	Graduan	
	Jumlah	%
Akademi Islam	3,844	40.6
Pengurusan Dan Muamalah	2,619	27.6
Bahasa Moden Dan Komunikasi	997	10.5
Sains Dan Teknologi Maklumat	799	8.4
Pendidikan	681	7.2
Sains Kejururawatan Dan Kesihatan Sekutu	536	5.6
Jumlah	9,476	

Sumber: KUIS

- c. Analisis Audit terhadap prestasi penghasilan graduan mengikut tahun pengajian dari 2007 hingga 2012 mendapati seramai 4,799 graduan (58%) dihasilkan berbanding 8,270 pelajar berdaftar. Didapati seramai 3,471 pelajar tidak dapat menamatkan pengajian di KUIS kerana pelajar memohon untuk berhenti, tangguh, lanjut dan gagal pengajian. Maklumat mengenai graduan berdasarkan tempoh pengajian adalah seperti di **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Perbandingan Antara Bilangan Pelajar Masuk, Lulus Dan Berhenti/Tangguh/Lanjut/Gagal Mengikut Tempoh Pengajian

Tahun Pengajian	Bil. Pelajar		Pelajar Lulus (%)	Bil. Pelajar Berhenti/Tangguh/Lanjut/Gagal
	Mendaftar	Lulus		
2007-2010	2,198	1,507	68.6	691
2008-2011	2,922	1,889	64.6	1,033
2009-2012	3,150	1,403	44.5	1,747
Jumlah	8,270	4,799	58.0	3,471

Sumber: KUIS

3.4.2.3. Prestasi Akademik Pelajar Memuaskan Tetapi Boleh Dipertingkatkan

- a. Prestasi pencapaian akademik pelajar merupakan aspek yang penting bagi menilai kecemerlangan akademik sesebuah kolej. Pencapaian prestasi pelajar bagi setiap sesi dinilai dengan mengambil kira Purata Nilai Gred (PNG) sesi dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG). Mengikut Peraturan Akademik KUIS, pelajar layak dianugerahkan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dengan syarat memperoleh sekurang-kurangnya HPNG 2.00. Penunjuk prestasi mengenai bilangan pelajar yang perlu dicapai mengikut taraf kedudukan perlu ditetapkan bagi menilai keseluruhan prestasi akademik pelajar.
- b. Semakan Audit mendapati KUIS tidak menetapkan sebarang sasaran/penunjuk prestasi yang standard mengenai bilangan/peratusan pelajar yang perlu dicapai mengikut taraf kedudukan pencapaian akademik bagi setiap sesi berdasarkan fakulti. Bermula pada tahun 2013, penunjuk prestasi setiap fakulti diselaraskan antaranya

mengandungi pembangunan kurikulum, pengurusan akademik, kualiti dan pembangunan pensyarah, kualiti pelajar dan graduan serta jaringan akademik dan perkhidmatan kepada pelajar.

- c. Analisis Audit terhadap pelajar program Diploma dan program Ijazah Sarjana Muda mendapati peratusan pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik menurun setiap tahun dari tahun 2009 hingga 2011. Pada tahun 2009 dan 2010, jumlah pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik masing-masing adalah 5,300 pelajar (55.4%) dan 6,029 pelajar (53.4%) berbanding jumlah keseluruhan pelajar seramai 9,571 pelajar dan seramai 11,292 pelajar yang menduduki peperiksaan. Pada tahun 2011, pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik sejumlah 4,026 pelajar (33.2%) berbanding jumlah keseluruhan pelajar seramai 12,115 pelajar yang menduduki peperiksaan. Butiran lanjut mengenai peratus pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik adalah seperti di **Jadual 3.10**. Penurunan ketara peratusan pelajar yang mendapat taraf kedudukan sangat baik pada tahun 2011 disebabkan perubahan taraf kedudukan akademik pelajar iaitu taraf sangat baik dinilai berdasarkan HPNG 3.50 berbanding kedudukan taraf cemerlang dinilai berdasarkan HPNG 3.00 pada tahun 2009 dan 2010.

Jadual 3.10
Prestasi Akademik Pelajar Yang Memperoleh Taraf Kedudukan Sangat Baik
Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Pelajar Yang Mengambil Peperiksaan Diploma Dan Ijazah Sarjana Muda			Jumlah	Pelajar Mendapat Taraf Kedudukan Sangat Baik	
	Sesi Peperiksaan				Bil.	%
	1	2	3			
2009	3,584	4,268	1,719	9,571	5,300	55.4
2010	4,501	4,900	1,891	11,292	6,029	53.4
2011	5,229	5,347	1,539	12,115	4,026	33.2

Sumber: KUIS

Pada pendapat Audit, matlamat KUIS untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan, cemerlang dan beradab masih belum tercapai sepenuhnya. Pengambilan pelajar baru tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, jumlah graduan yang dihasilkan dan prestasi akademik pelajar yang memperoleh taraf kedudukan sangat baik menurun pada tahun 2011 berbanding tahun 2009 dan 2010. KUIS sedang melaksanakan *Transformation of KUIS (ToK)* mulai bulan September 2011 yang mana pelan ini memerlukan masa 4 tahun untuk membolehkan penilaian pencapaian prestasi sebenar. KUIS hendaklah memantau pelaksanaan ToK dan mengkaji kesesuaian pelan ini dari semasa ke semasa untuk memastikan matlamat kolej universiti ini tercapai.

3.4.2.4. Kelayakan Pensyarah Dan Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar Memuaskan

- a. Staf akademik yang berkualiti adalah modal insan terpenting dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan institut pengajian. Staf yang berkualiti diambil kira berdasarkan kelayakan dan berpengalaman. Sehingga 31 Disember 2012, bilangan pensyarah KUIS adalah seramai 347 orang terdiri dari 12 orang pensyarah memiliki Ijazah Kedoktoran Falsafah, 250 orang memiliki Sarjana, 62 orang berkelulusan Sarjana Muda manakala 23 orang memiliki Diploma. Selain itu, nisbah pensyarah berbanding pelajar bagi setiap program yang ditawarkan telah ditetapkan oleh MQA bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Nisbah pensyarah berbanding pelajar melebihi syarat yang ditetapkan boleh menjejaskan imej KUIS kerana standard keperluan tenaga pengajar tidak dipatuhi.
- b. Semakan Audit mendapati nisbah pensyarah berbanding pelajar setiap fakulti bagi sesi 2 tahun 2012/2013 memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MQA. Butiran mengenai nisbah pensyarah berbanding pelajar adalah seperti di **Jadual 3.11**. Bagaimanapun, **mengikut perbincangan semasa exit conference pada 18 April 2013, KUIS memaklumkan Fakulti Pendidikan mempunyai seramai 716 pelajar yang terdiri dari pelajar sepenuh dan separuh masa di mana seramai 500 pelajar (69.8%) mengikuti pengajian separuh masa pada hari minggu.**

Jadual 3.11
Nisbah Pensyarah Berbanding Pelajar Bagi Sesi 2 Tahun 2012/2013

Fakulti	Bil. Pelajar Aktif	Bil. Pensyarah	Nisbah Sebenar	Nisbah MQA	Memenuhi Kriteria MQA
Fakulti Akademi Islam	1,536	85	1:18	1:25	Ya
Fakulti Pengurusan Dan Muamalah	1,168	59	1:20	1:25	Ya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi	269	74	1:04	1:25	Ya
Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat	420	40	1:11	1:25	Ya
Fakulti Pendidikan	216	18	1:12	1:25	Ya

Sumber: KUIS

3.4.2.5. Tunggakan Yuran Yang Tinggi

- a. Yuran pelajar terdiri daripada yuran pengajian, yuran perkhidmatan, yuran pendaftaran dan yuran asrama. Peraturan Akademik KUIS menetapkan pelajar bertanggungjawab untuk membayar yuran yang ditetapkan sepanjang tempoh mengikuti program di KUIS. Pelajar dikehendaki menjelaskan yuran sebelum dianugerahkan transkrip akademik semasa hari konvokesyen. Bagi melanjutkan pelajaran di KUIS, terdapat agensi yang menyediakan kemudahan pinjaman pembelajaran kepada pelajar antaranya Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi

Nasional, Majlis Amanah Rakyat, Majlis Agama Islam Selangor dan badan pinjaman/biasiswa Kerajaan Negeri.

- b. Semakan Audit terhadap laporan baki hutang pelajar sehingga 31 Disember 2012 dalam Sistem e-Kampus KUIS, mendapati jumlah yuran tertunggak pelajar ialah RM24.17 juta. Analisis Audit mendapati penyumbang tertinggi kepada yuran tertunggak ini adalah daripada pelajar yang masih mengikuti pengajian di KUIS dengan jumlah RM13.50 juta manakala yang kedua tertinggi ialah pelajar yang berhenti iaitu RM6.96 juta. Selain itu, didapati seramai 662 graduan dan 1,139 pelajar yang diberhentikan masih mempunyai hutang tertunggak masing-masing berjumlah RM1.39 juta dan RM2.11 juta. Butiran terperinci mengenai tunggakan yuran pelajar adalah seperti **Jadual 3.12** manakala **Jadual 3.13** menunjukkan usia tunggakan yuran berkenaan.

Jadual 3.12
Tunggakan Yuran Mengikut Status Pelajar
Sehingga 31 Disember 2012

Status Pelajar	Jumlah Pelajar	Jumlah Hutang (RM)
Aktif	3,782	13,501,185
Graduan	662	1,393,154
Diberhentikan	1,139	2,112,627
Memohon Berhenti	2,174	6,956,103
Meninggal Dunia	2	180
Tangguh	7	18,851
Tukar Program	169	182,737
Tiada Status	4	6,578
Jumlah	7,939	24,171,415

Sumber: KUIS

Jadual 3.13
Usia Tunggakan Yuran Pelajar Sehingga 31 Disember 2012

Usia Tunggakan Yuran				Jumlah (RM Juta)
Kurang 1 Tahun (RM Juta)	1 Hingga 3 Tahun (RM Juta)	4 Hingga 5 Tahun (RM Juta)	6 Tahun Dan Ke Atas (RM Juta)	
4.84	12.44	5.26	1.63	24.17

Sumber: KUIS

- c. Analisis Audit terhadap tunggakan yuran pelajar mendapati terdapat peningkatan jumlah yuran tertunggak pada tahun 2010 dan 2012 masing-masing sejumlah RM0.84 juta (20.9%) dan RM1.27 juta (35.6%). Bagaimanapun pada tahun 2011, berlaku penurunan tunggakan yuran sejumlah RM1.28 juta (26.4%). Antara faktor yang menyebabkan peningkatan tunggakan yuran ini adalah kerana pelajar lewat mendapat pembiayaan/tajaan dan peningkatan jumlah pelajar yang berhenti. Bagi menangani masalah ini, KUIS telah mengambil pelbagai tindakan antaranya pelajar tidak boleh mendapatkan transkrip akademik dan menghantar surat

peringatan khususnya kepada pelajar yang berhenti pengajian. Butiran mengenai analisis tunggakan yuran adalah seperti di **Jadual 3.14**. **Mengikut maklum balas KUIS bertarikh 9 April 2013, kedudukan baki penghutang pelajar aktif pada 31 Mac 2013 telah menurun sejumlah RM6.70 juta. Bagi hutang yang melebihi 6 tahun, KUIS akan mengambil kira sebagai peruntukan hutang ragu/lapuk dalam penyata kewangan 2012 tertakluk kepada pandangan yang akan diperoleh daripada syarikat firma swasta yang bertanggungjawab mengaudit akaun KUIS.**

Jadual 3.14
Analisis Tunggakan Yuran Pelajar Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Jumlah Tahunan (RM Juta)	Peningkatan/Kurangan		Jumlah Terkumpul (RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	
2010	4.85	0.84	20.9	15.76
2011	3.57	-1.28	-26.4	19.33
2012	4.84	1.27	35.6	24.17

Sumber: KUIS

3.4.2.6. Kemudahan Asrama Pelajar Tidak Digunakan Sepenuhnya

- a. Setiap institusi pengajian hendaklah menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Antara kemudahan penting yang perlu disediakan ialah asrama pelajar. Asrama ini hendaklah digunakan sewajarnya bagi tujuan penginapan pelajar. Asrama pelajar di KUIS terdiri dari asrama lama yang dibina secara berperingkat antara tahun 2000 hingga 2002 berkapasiti 3,024 pelajar dan asrama baru yang dibina secara *Build Operate Transfer* (asrama BOT) pada tahun 2006 berkapasiti 6,504 pelajar. Mulai tahun 2011, pelajar sepenuh masa diwajibkan menginap di asrama BOT.
- b. Analisis Audit mendapati dari tahun 2008 hingga 2012, kadar penggunaan bilik asrama BOT adalah antara 57.3% hingga 93.6%. Kadar penggunaan bilik asrama pada tahun 2012 menunjukkan peratus paling rendah disebabkan dasar pengambilan pelajar bagi setiap sesi diselaraskan kepada 4,946 orang mengikut kapasiti fasiliti akademik. Butiran lanjut mengenai kadar penggunaan bilik asrama BOT adalah seperti di **Jadual 3.15**.

Jadual 3.15**Kadar Penggunaan Bilik Asrama Pelajar Yang Dibina Secara BOT**

Sesi/Tahun	Jumlah Pelajar Sebenar Menginap [a]	Kapasiti Asrama Setiap Sesi [b]	Kapasiti Asrama Yang Tidak Diisi [c=a-b]	Kapasiti Asrama Diisi (%)
1/2008	4,477	6,504	2,027	68.8
2/2008	4,746		1,758	73.0
1/2009	5,299		1,205	81.5
2/2009	6,085		419	93.6
1/2010	5,432		1,072	83.5
2/2010	6,074		430	93.4
1/2011	5,321		1,183	81.8
2/2011	5,011		1,493	77.0
1/2012	4,341		2,163	66.7
2/2012	3,727		2,777	57.3

Sumber: KUIS

- c. Semakan Audit juga mendapati satu perjanjian konsesi telah ditandatangani antara pihak MAIS, KUIS Sdn. Bhd. dan sebuah syarikat swasta (*concessionaire*) pada 7 Mac 2006 untuk membina asrama BOT. Jumlah kos pembinaan asrama ini ialah RM112 juta. Perjanjian konsesi tersebut adalah selama 33 tahun yang mana tempoh pembinaan adalah 3 tahun dan pembayaran sewaan kepada *concessionaire* mula dibayar pada tahun 2009. Bayaran sewaan asrama tersebut akan meningkat 10% bagi setiap 3 tahun bagi tempoh 16 tahun pertama manakala kenaikan 5% bagi setiap 3 tahun sehingga tahun ke 30. Selain itu, satu perjanjian jaminan pembayaran berjumlah RM125.80 juta juga telah ditandatangani pada 3 Ogos 2007 antara MAIS, KUIS Sdn. Bhd., *concessionaire*, Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Berdasarkan Klausula 2.2(c) perjanjian tersebut, MAIS memberi jaminan untuk membuat bayaran kepada *concessionaire* atau pembiaya konsesi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kegagalan KUIS Sdn. Bhd. membayar caj sepanjang tempoh konsesi tersebut.
- d. Bagi tahun 2009 hingga 2011, KUIS Sdn. Bhd. sepatutnya membayar sewa asrama BOT berjumlah RM40.68 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati hasil kutipan yuran asrama pelajar berjumlah RM23.80 juta yang dibayar terus kepada *concessionaire* tidak mencukupi untuk membayar sewaan tersebut. Oleh itu, KUIS Sdn. Bhd. terpaksa menanggung baki bayaran sewa asrama berjumlah RM14.24 juta. Ini disebabkan asrama BOT tidak dapat diisi sepenuhnya pada setiap sesi. Pihak pengurusan memaklumkan komitmen kewangan yang membebaskan ini berpunca daripada klausa perjanjian konsesi yang memberi jaminan pembayaran sewa berdasarkan 100% *occupancy rate* dan 300 hari kalender akademik. Bagaimanapun, kadar penginapan pelajar di asrama BOT tidak pernah mencapai 100% dan kalendar akademik adalah kurang dari 280 hari. Trend kutipan yuran dan bayaran sewa asrama bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.16**.

Jadual 3.16**Kutipan Yuran Dan Sewa Asrama BOT Bagi Tahun 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan			Jumlah (RM Juta)
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	
Pembayaran sewa asrama mengikut perjanjian	13.56	13.56	13.56	40.68
Sewa asrama yang dibayar kepada <i>concessionaire</i> (a)	10.92	13.56	13.56	38.04
Yuran asrama dibayar oleh pelajar (b)	7.45	8.78	7.57	23.80
Jumlah yang ditanggung oleh KUIS Sdn. Bhd. (c=a-b)	3.47	4.78	5.99	14.24

Sumber: KUIS Sdn. Bhd.

- e. Analisis Audit selanjutnya juga mendapati bagi tahun 2012 hingga 2020, KUIS Sdn. Bhd. dijangka akan terus menanggung sewa asrama sehingga mencecah RM72.22 juta dengan andaian KUIS masih mengekalkan kapasiti 5,000 pelajar selaras dengan kapasiti fasiliti akademik. Butiran mengenai analisis tersebut adalah seperti di **Jadual 3.17**. Jumlah ini akan terus meningkat untuk tahun akan datang sehingga perjanjian konsesi ini tamat sekiranya kutipan yuran asrama tidak meningkat. Sehingga pengauditan dijalankan, pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak MAIS bercadang untuk mengambil alih konsesi asrama BOT dan bertanggungjawab membayar sewa asrama. Bagaimanapun, tindakan pengambilalihan masih belum dimuktamadkan. **Mengikut perbincangan semasa exit conference dengan KUIS pada 18 April 2013, wakil MAIS memaklumkan mesyuarat Jawatankuasa Khas MAIS pada 16 April 2013 bersetuju MAIS mengambil alih BOT secara pembiayaan terus dan pelan perniagaan sedia ada KUIS perlu ditambah baik. Pengambilalihan BOT oleh MAIS ini dijangka selesai pada awal tahun 2014.**

Jadual 3.17**Anggaran Kutipan Yuran Dan Sewa Asrama BOT Bagi Tahun 2012 Hingga 2020**

Butiran	Tahun Kewangan									Jumlah
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	
	(RM Juta)									
Pembayaran Sewa Asrama Mengikut Perjanjian (a)	13.56	14.92	14.92	14.92	16.39	16.39	16.39	18.05	18.05	143.59
Anggaran Yuran Asrama Dibayar Oleh Pelajar (b)*	7.93	7.93	7.93	7.93	7.93	7.93	7.93	7.93	7.93	71.37
Anggaran Jumlah Yang Perlu Ditanggung Oleh KUIS Sdn. Bhd. (c=a-b)	5.63	6.99	6.99	6.99	8.46	8.46	8.46	10.12	10.12	72.22

Sumber: KUIS Sdn. Bhd. Dan Jabatan Audit Negara

Nota: * Purata Yuran Asrama BOT Yang Dibayar Oleh Pelajar Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

- f. Bagi memastikan penginapan asrama BOT dipenuhi, didapati 9 blok asrama lama tidak lagi digunakan oleh pelajar KUIS. Pihak pengurusan telah membenarkan 4 blok asrama lama digunakan untuk Sekolah Bina Insan iaitu

sekolah menengah Islam persendirian yang dibiayai dan di kendali oleh Yayasan KUIS, sebuah blok dijadikan sebagai stor simpanan kelengkapan asrama seperti katil, meja belajar, almari dan kerusi manakala 4 blok asrama lain didapati kosong dan tidak berpenghuni. **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3** adalah berkaitan.



Gambar 3.1
Blok Asrama Lama Digunakan
Untuk Sekolah Bina Insan

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok B KUIS
Tarikh: 13 Februari 2013

Gambar 3.2
Peralatan Yang Tidak Digunakan Disimpan
Dalam Kawasan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok E KUIS
Tarikh: 13 Februari 2013

Gambar 3.3
Peralatan Yang Tidak Digunakan
Dalam Kawasan Asrama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Blok E KUIS
Tarikh: 13 Februari 2013

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti KUIS kurang memuaskan. Ini disebabkan tunggakan yuran pelajar tinggi dan asrama pelajar tidak dapat digunakan sepenuhnya. KUIS perlu memperkemas sistem kutipan yuran bagi mengurangkan tunggakan yuran. KUIS boleh menyewakan asrama pelajar untuk pelajar universiti/kolej berhampiran bagi memenuhi asrama yang masih kosong sebagai penyelesaian jangka pendek dengan syarat pelajar luar mematuhi peraturan KUIS. Selain itu, MAIS selaku badan induk disarankan membantu KUIS dengan menyediakan peruntukan *one off* bagi menaik taraf fasiliti akademik selaras dengan fasiliti asrama agar pengambilan pelajar dapat ditambah sekali gus meningkatkan pendapatan KUIS. Bagi meringankan beban kewangan KUIS, MAIS perlu memastikan konsesi BOT berjaya diambil alih pada awal tahun 2014 atau seberapa segera yang boleh.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

3.4.3.1. Tadbir urus korporat merujuk kepada proses yang digunakan untuk mentadbir, mengurus dan mengawal syarikat. Ia merangkumi dasar, undang-undang dan peraturan, sistem dan prosedur, kawalan pengurusan syarikat dan pengurusan risiko. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab.

3.4.3.2. Semakan Audit mendapati secara umumnya KUIS Sdn. Bhd. telah mematuhi peraturan penting berkaitan dengan tadbir urus korporat dengan baik khususnya dalam aspek pelantikan Pengerusi, ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif; kekerapan mesyuarat ahli Lembaga Pengarah; penubuhan Unit Audit Dalam dan pelaksanaan pengauditan; penubuhan dan kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan; penyediaan strategi dan rancangan korporat syarikat (pelan transformasi KUIS) serta *Standard Operating Procedures* (SOP). Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang memerlukan syarikat ini mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan segera supaya tidak berulang lagi di masa hadapan dan seterusnya meningkatkan kawalan dalaman. Antara kelemahan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2010 menyatakan *Corporate Integrity Pledge* dan *Integrity Pact* perlu ditandatangani/dilaksanakan oleh pihak syarikat sebagai langkah pencegahan rasuah. Semakan Audit mendapati KUIS Sdn. Bhd. masih belum menandatangani *Corporate Integrity Pledge* dan tidak melaksanakan *Corporate Integrity Pact* dalam urusan perolehan seperti yang ditetapkan dalam pekeliling.
- b. KUIS Sdn. Bhd. telah membelanjakan sejumlah RM1.70 juta untuk membuat cetakan sebanyak 200,000 naskhah Buku Perbendaharaan Al-Quran dengan kos RM8.50 senaskhah. Sehingga bulan Julai 2012, sebanyak 195,000 naskhah dengan jumlah kos RM1.66 juta masih belum dijual. Lanjutan itu, pihak pengurusan KUIS Sdn. Bhd. telah memutuskan buku ini diberi secara sumbangan kepada orang awam, masjid/surau dan jabatan Kerajaan di Negeri Selangor. Berdasarkan penjelasan KUIS Sdn. Bhd., buku ini tidak berjaya dijual kerana harga jualan yang mahal iaitu RM50 senaskhah. **Gambar 3.4** hingga **Gambar 3.5** menunjukkan keadaan buku ini yang disimpan di 2 lokasi berbeza. **Mengikut maklum balas KUIS bertarikh 9 April 2013, baki buku pada 28 Februari 2013 adalah sebanyak 143,555 naskhah.**

Gambar 3.4
Keadaan Naskhah Buku Perbendaharaan Al-Quran Yang Tidak Terjual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Rumah Felo Blok E KUIS
Tarikh: 31 Januari 2013

Gambar 3.5



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tingkat 2 Rumah Bandar Bukit Mahkota
Tarikh: 31 Januari 2013

- c. Setakat bulan Januari 2013, Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset masih belum mengambil tindakan pelupusan terhadap peralatan komputer yang rosak sejak tahun 2011 di Bahagian Teknologi Maklumat serta Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat. Jumlah nilai harta modal berkenaan tidak dapat disahkan. **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.7** adalah berkaitan. **Mengikut perbincangan semasa exit conference dengan KUIS pada 18 April 2013, tindakan pelupusan peralatan komputer akan dilaksanakan.**

Gambar 3.6
Peralatan Komputer Belum Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Makmal Komputer 1, Fakulti Sains Dan
Teknologi Maklumat
Tarikh: 30 Januari 2013

Gambar 3.7



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ruang Stor Bahagian Teknologi Maklumat
Tarikh: 30 Januari 2013

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan KUIS Sdn. Bhd. adalah baik dan boleh dipertingkatkan. KUIS Sdn. Bhd. hendaklah mengambil tindakan pembedahan dan penambahbaikan segera supaya ketidakpatuhan yang berbangkit tidak berlaku pada masa akan datang. KUIS Sdn. Bhd. perlu mematuhi semua peraturan dan pekeliling yang berkaitan dengan tadbir urus korporat serta menerima pakai amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007).

3.5. SYOR AUDIT

Bagi melestarikan masa hadapan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS Sdn. Bhd.) dan menambah baik prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti KUIS, pihak Audit mengesyorkan KUIS Sdn. Bhd. dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil tindakan seperti berikut:

3.5.1. Memantau pelaksanaan *Transformation of KUIS* dan mengkaji kesesuaian pelan ini dari semasa ke semasa untuk memastikan matlamat penubuhan KUIS tercapai pada tahun 2015.

3.5.2. Membuat penyusunan semula supaya KUIS Sdn. Bhd. tidak menanggung beban kewangan yang besar. Antaranya MAIS selaku badan induk disarankan membantu syarikat ini dengan menyediakan peruntukan *one off* bagi menaik taraf fasiliti akademik selaras dengan fasiliti asrama agar pengambilan pelajar dapat ditambah sekaligus meningkatkan pendapatan KUIS.

3.5.3. Mengoptimumkan penggunaan asrama sebaik mungkin dengan membenarkan penyewaan bilik asrama kepada pelajar universiti/kolej lain yang berhampiran dengan syarat pelajar luar mematuhi peraturan KUIS.

3.5.4. Berunding terus dengan agensi pembiaya pinjaman bagi memastikan yuran pengajian dan yuran asrama dibayar terus kepada KUIS supaya tidak berlaku tunggakan yuran yang akan membawa kerugian syarikat.

3.5.5. Memastikan perolehan dan pelupusan aset dilaksanakan dengan cekap dan teratur.



PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kekurangan latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif program/aktiviti berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Jabatan dan Syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat telah mengambil beberapa tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit. Namun bagi mengelakkan daripada berulang kelemahan yang sama, langkah pembetulan perlu diambil secara berterusan. Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

11 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my